

PARLIMEN KESEMBILAN
Ninth Parliament
PENGKAL KEEMPAT
Fourth Session
MESYUARAT KEDUA
Second Meeting

Jilid IV Bil. 28 Hari Rabu 15 Julai 1998

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Ruangan

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT (Ruangan)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Pengurusan Danaharta Nasional Berhad 1998 (Ruangan

USUL:

**Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada
Peraturan Mesyuarat (Ruangan)**

UCAPAN PENANGGUHAN:

**Pengurusan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)
- Y.B. Tuan M. Kulasegaran [Teluk Intan] (Ruangan)**

**Pembebasan Masjid di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
Dari Pengaruh Asabiyah dan Sekularisme
- Y.B. Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood [Tumpat] (Ruangan**

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tun Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, S.P.M.P., S.P.C.M., S.S.A.P., D.U.P.N., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., DPMS, PCM, AMN (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, D.G.P.N, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tugas-tugas Khas, Tun Dato' Daim Zainuddin, S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P.)

“ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertanian, Datuk Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)

“ Menteri Pendidikan, Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)

“ Menteri Penerangan, Datuk Seri Mohamed bin Rahmat, D.G.S.M., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.D.K., S.S.S.A., S.P.M.T., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)

- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)
- “ Menteri Sumber Manusia, Dato’ Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)
- “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Menteri Pertahanan, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)
- “ Menteri Luar Negeri, Dato’ Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.S.I., B.S.I. (Pagoh)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak)
- “ Menteri Kesihatan, Dato’ Chua Jui Meng, S.I.M.P., S.M.J., P.I.S. (Bakri)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato’ Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)
- “ Senator Datuk Chong Kah Kiat, P.G.D.K., J.S.M., J.P.

“ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., S.P.M.P., D.P.M.K., D.S.S.A, D.S.A.P., D.P.CM., A.M.P., A.M.K (Pasir Salak)

- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K, J.S.M.
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.B.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato’ Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tuan Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)

- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato’ Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato’ Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Dato’ Chan Kong Choy, D.S.A.P., .D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Ong Ka Ting D.P.M.P. (Pontian)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)

- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Tuan Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Dato’ Hishamuddin bin Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato’ M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Tuan Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Puan Ainon Khariyah binti Dato’ Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)

- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato’ Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Dato’ Chor Chee Heung, D.S.D.K. (Alor Setar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria (Jerantut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato’ Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato’ Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)
- “ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tuan Abdul Rahin bin Dato’ Mohd. Said (Kuala Nerus)
- Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)
- “ Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
- “ Datuk Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)

- “ Dato’ Haji Abu Zahar bin Dato’ Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)
- “ Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
- “ Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)
- “ Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Raja Dato’ Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)
- “ Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “ Dato’ Haji Badruddin bin Amiruddin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)
- “ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
- “ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)
- “ Dato’ Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- “ Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Dato Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)

- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Haji Hashim bin Jasin (Arau)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)
- “ Puan Hajah Ilani binti Dato’ Haji Isahak (Kota Bharu)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “ Dato’ Jamaluddin bin Adnan (Kuala Selangor)
- “ Dato’ Dr. Haji Jamaluddin bin Dato’ Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun Anak Pungga, P.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
- “ Dato’ Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
- “ Tuan Kamarudin bin Ahmad (Arau)
- “ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)

- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Tuan Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)
- “ Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
- “ Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
- “ Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
- “ Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)
- “ Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
- “ Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Dato’ Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
- “ Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
- “ Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)
- “ Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson (Teluk Intan)
- “ Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
- “ Tuan Mohamed Khaled bin Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)

- “ Dato’ Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)
- “ Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
- “ Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)
- “ Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)
- “ Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)
- “ Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)
- “ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paul Nointien, A.D.K. (Penampang)
- “ Tuan Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “ Dato’ Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- “ Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)
- “ “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “ Puan Rohani binti Haji Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “ Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Dato’ Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
- “ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)
- “ Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)

- “ Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)
- “ Datuk S’ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
- “ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Dato’ Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)
- “ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
- “ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- “ Tuan Tiong Thai King (Lanang)
- “ Tuan Tue Si @ Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)
- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)
- “ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Dato’ Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
- “ Tuan Yunof Edward Marinking (Tuaran)
- “ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
- “ Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)
- “ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)
- “ Dato’ Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah)

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

- Setiausaha Dewan Rakyat : Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan,
P.S.D., J.S.D., K.M.N.
- Ketua Penolong Setiausaha : Zamani bin Haji Sulaiman
: Haji Mustakin bin Selamat
- Penolong Setiausaha : Nor Hayatee binti Abdullah
: Haji Mustafa bin Abdul Rahman
: Ruhana binti Abdullah

CAWANGAN DOKUMENTASI PARLIMEN

- Pegawai Penerbitan : Azhari bin Hamzah
: Monarita binti Mohd. Hassan
- Pelapor Perbahasan Parlimen : Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N.
: Hajah Supiah binti Dewak
: Mohd Saleh bin Mohd. Yusop
: Mohamed bin Osman
: Hajah Norishah binti Mohd. Thani
: Shamsina binti Janor
- Pembaca Pruf : Abu Bakar bin Hasan

CAWANGAN BENTARA

- Bentara Mesyuarat: : Lt. Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul
Mutalib
: Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
: Mejar (B) Zakaria bin Salleh

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
Rabu, 15 Julai 1998

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN

**AIR DI LEMBAH KLANG – LANGKAH UNTUK MENGATASI
MASALAH KEKURANGAN**

1. **Tuan Md. Isa bin Sabu [Kangar]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan apakah langkah-langkah awal yang dirancang oleh pihak kementeriannya supaya masalah kekurangan bekalan air untuk keperluan domestik tidak berulang di Lembah Klang dan sekali gus tidak merebak di seluruh negara.

Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, beberapa langkah telah dirancang dan dilaksanakan oleh Kementerian Kerja Raya bagi mengatasi masalah kekurangan bekalan air untuk keperluan domestik di Lembah Klang. Antara lain, beberapa projek telah pun diluluskan dan dilaksanakan, iaitu projek pembinaan loji penapis air di Wangsa Maju dengan kos sebanyak RM136 juta, projek pengambilan air dan paip agihan dari Sungai Gombak ke loji penapis air Wangsa Maju dengan kos sebanyak RM29 juta dan mempercepatkan kerja-kerja sistem bekalan air Sungai Selangor Peringkat II dengan kos dianggarkan sebanyak RM50 juta.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, beberapa projek baru juga akan dilaksanakan di negeri Selangor seperti pembinaan dua buah empangan dan empat buah loji penapis air. Kementerian mencadangkan supaya projek-projek ini dibiayai melalui pinjaman Kerajaan Pusat kepada Kerajaan Negeri Selangor.

Projek penyaluran air daripada negeri Pahang juga akan dilaksanakan secara penswastaaan. Projek ini sedang dirundingkan di antara negeri-negeri yang terlibat dengan pihak swasta yang berkenaan. Kos projek dianggarkan berjumlah RM2.1 bilion.

Suka saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa Kerajaan Persekutuan memang sentiasa memberi perhatian untuk mengelak berlakunya masalah kekurangan air di negeri-negeri ini. Untuk ini Kerajaan Persekutuan dengan kerajaan-kerajaan negeri telah bersetuju menubuhkan majlis sumber air negara.

Kerajaan Persekutuan juga telah melantik juruperunding swasta bagi mengkaji sumber air dan penggunaannya sehingga tahun 2050. Kementerian berharap usaha bersungguh-sungguh Kerajaan Pusat ini akan dapat membantu menangani masalah bekalan air semasa dan yang akan datang.

Tuan Md. Isa bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Menteri selalu nasihat orang supaya jangan buang air. Jadi, sebenarnya kita kena buang air. Tuan Yang di-Pertua, rungutan umum mengatakan bahawa di samping kita kekurangan air sebenarnya kita juga kekurangan kecekapan pengurusan air. Misalnya, di seluruh negara didapati kira-kira antara 38% sampai 40% NRW dan masa hujan kita ada banyak air mengalir sebagai air bah, tidak disimpan. Jadi, apakah tindakan kementerian Yang Berhormat Menteri untuk mengatasi NRW ini dan juga penstoran air yang berlebihan pada musim hujan?

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan air tanpa hasil, iaitu kehilangan daripada 39% hingga 41%. Perkara ini telah ditimbang serius oleh Jemaah Menteri dan Jemaah Menteri telah mengarah Jabatan Perdana Menteri, iaitu, Unit Perancang Ekonomi (EPU) untuk membincang dengan Puncak Niaga di mana surat tawaran telah diberi kepada Puncak Niaga untuk mengambil alih projek-projek di negeri Selangor dan

Wilayah Persekutuan untuk mempercepatkan kerja di mana kita boleh juga menjimatkan air yang tidak hilang pada masa ini. Saya percaya di masa akan datang dengan projek baru kita boleh juga menjimat sekurang-kurangnya 25% atau 30% air yang kita hilang sekarang sebagai air tanpa hasil.

Tuan Zainal Abidin bin Osman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada pihak menyatakan masalah kekurangan air sekarang ini disebabkan oleh faktor El-Nino. Manakala pihak lain pula menyalahkan syarikat-syarikat yang diberi tanggungjawab di bawah projek penswastaan kerana gagal menjalankan tugasnya sehingga menyebabkan kesusahan kepada rakyat khususnya kepada penduduk di Lembah Klang. Jadi, saya ingin mendapat pandangan dari Yang Berhormat Menteri tentang perkara ini, dan keduanya bilakah catuan air di Lembah Klang akan dihentikan sepenuhnya. Saya tinggal di Lembah Klang. Saya harap agar rakyat tidak lagi dapat kesusahan mendapatkan bekalan air berterusan.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, seperti apa saya jelas tadi, masalah air sekarang bukanlah masalah kekurangan loji penapis air, paip atau tidak. Masalah kekurangan iaitu melalui kekurangan hujan di kawasan-kawasan yang mana kita ada juga empangan-empangan air. Banyak di antara sungai-sungai yang membekal air kepada empangan itu pun tidak mempunyai kuantiti yang sama seperti dahulu. Ini sedang berlaku mulai daripada bulan Februari sampai sekarang. Setakat ini kita menghadapi masalah ini. Jadi, kerajaan telah mengambil keputusan di masa akan datang kita jangan tunggu-menunggu untuk mendapat air daripada satu sumber sahaja, iaitu daripada sungai, tetapi hujan, iaitu kita kena dapat lebih empangan untuk digunakan kepada kawasan-kawasan di Lembah Klang ini.

2. **Dr. Lee Chong Meng [Bukit Bintang]** minta Menteri Kewangan menyatakan tentang cadangan ataupun arahan kepada pendeposit-pendeposit tempatan di bank-bank luar negeri supaya membawa pulang simpanan mereka ke negara ini. Sejauh manakah langkah ataupun arahan ini dipatuhi. Jikalau tidak, apakah tindakan yang telah dan akan diambil oleh kementerian.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar]:

Tuan Yang di-Pertua, bagi menggalakkan pemastautin termasuk pendeposit tempatan di bank-bank luar negeri untuk membawa pulang dana yang tersimpan di luar negeri, kerajaan telah mengecualikan cukai bagi wang yang dibawa masuk sebelum 31 Disember 1998. Oleh kerana langkah ini baru sahaja diumumkan, iaitu pada 20 Mei tahun ini, maka adalah terlalu awal untuk mentafsirkan kesan pengecualian cukai ini. Setakat ini, Kementerian Kewangan telah menerima 12 permohonan untuk pengecualian cukai tersebut. Dasar kewangan kerajaan yang terus memastikan kadar faedah benar yang menarik, iaitu kadar faedah nominal yang lebih tinggi daripada kadar inflasi, juga merupakan kaedah yang digunakan untuk menarik pendeposit tempatan membawa pulang simpanan mereka dan untuk terus menyimpan di bank-bank tempatan.

Di samping itu, penurunan nilai Ringgit dengan sendirinya merupakan galakan untuk pemastautin membawa balik dana kerana ini mendatangkan keuntungan dalam nilai Ringgit. Manakala bagi rakyat yang mempunyai semangat patriotisme dan altruisme, mereka seharusnya turut menyokong usaha kerajaan dalam menghadapi kemelut ekonomi semasa.

Tuan Noh bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, bilakah bilangan pendeposit tempatan ini banyak menyimpan di bank-bank luar negeri sama ada sebelum kegawatan ataupun selepas kegawatan ekonomi. Jika selepas kegawatan ekonomi berapa banyak pertambahan penyimpanan di luar negeri ini?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak mungkin saya menyebut ataupun ada butir-butiran mengenai dengan orang-orang tempatan yang menyimpan di luar negara, kerana Yang Berhormat sedia maklum bahawa semua bank di dalam negeri yang mengamalkan sistem kapitalis mempunyai peraturan rahsianya. Ini kita hendak mengatakan bahawa simpanan selepas kegawatan dan sebelum kegawatan tidak mungkin kami nyatakan. Tetapi untuk makluman Ahli Yang Berhormat kalau kita tengok di dalam imbalan pembayaran yang berasaskan wang tunai semasa, kita lihat bahawa ia diambil secara net, pada tahun sudah pengaliran keluar net, iaitu negatif sebanyak RM34.8 bilion dibandingkan kalau kita ambil tahun 1993, net masuk lebih banyak, iaitu positif sebanyak RM26 bilion, pada tahun 1994 – positif RM15.8 bilion, pada tahun 1995 – negatif, makna keluar banyak daripada masuk – RM8.5 bilion, tahun 1996 ia mula keluar lagi sedikit-banyak – RM11.4 bilion.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun ini walaupun dalam kegawatan, iaitu pada 1998 daripada bulan Januari hingga April wang yang masuk lebih banyak daripada wang yang keluar dan angkanya ialah positif RM8.3 bilion. Jadi, kalau kita hendak mengatakan selepas ataupun sebelum, sekarang ialah kemuncak kegawatan yang mana wang yang masuk seperti mana yang terdapat dalam imbalan pembayaran berasaskan tunai adalah melebihi daripada wang yang keluar sebanyak RM8.3 bilion ataupun RM8,300 juta.

Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Setakat ini hanya sebilangan kecil sahaja yang telah memohon untuk mendapatkan pengecualian kerana membawa dana masuk ke negara ini. Bilangan ini pada saya amat kecil. Apakah sebab-sebab sebenarnya masih lagi ada kesangsian daripada kalangan pemastautin yang masih enggan membawa masuk dana mereka ke dalam negara ini, dan apakah ada jaminan daripada kerajaan di mana Lembaga Hasil Dalam Negeri ini tidak akan membuat

harrassment berterusan sekiranya pemastautin Malaysia ini membawa masuk dana daripada luar negara pada masa akan datang?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya enquiry ataupun pertanyaan mengenai dengan kaedah-kaedah pembawakan masuk adalah setakat ini kita telah menerima 150 pertanyaan. Dua belas yang saya sebut tadi ialah orang yang telah pun membawa masuk, iaitu 12 kumpulan yang membawa masuk sebanyak RM2.7 juta sahaja. Untuk menjawab soalan terus daripada Ahli Yang Berhormat dari Labuan, ingin saya mengatakan bahawa moratorium ini baru sahaja kita isytiharkan, iaitu pada 20 Mei yang baru lalu. Kesedaran kepada pemastautin yang menyimpan di luar ataupun orang kita di luar yang ada wang di luar, mungkin pada peringkat kesedaran belum lagi mereka masuk pada peringkat conviction. Jadi, di sini kita tunggulah sehingga akhir tahun apabila akhir moratorium ini, insya-Allah kita akan dapat memastikan kekesanannya.

Mengenai dengan LHDN memberi harrassment selepas ini, kita menyatakan di sini moratorium hanya diberi sehingga 31 Disember tahun ini. Selepas itu kemungkinan diwujudkan balik perundangan mengenai kemasukan wang akan diadakan. Tetapi kalau ada galakan yang banyak tidak mustahil ianya akan diteruskan. Jadi, sabarlah kita menunggu sehingga akhir tahun dan apakah moratorium ini berkesan atau tidak kita akan lihat pada masa itu.

KELAPA SAWIT – FELDA MEMBELI HARGA MURAH

3. **Dr. Ramli bin Taib [Kemaman]** minta Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi menyatakan apakah sebabnya pihak kilang sawit FelDA membeli kelapa sawit dengan harga yang jauh lebih murah jika dibandingkan dengan kilang sawit swasta, sehingga kebanyakan kilang sawit kepunyaan FelDA tidak beroperasi sepenuhnya kerana kekurangan buah sawit. Nyatakan langkah-langkah yang diambil untuk memperbetulkan keadaan ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi [Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon jawapan pada hari ini dibaca bersekali dengan jawapan bagi soalan pada 21 Julai 1998 oleh Yang Berhormat dari Ledang kerana ianya menyentuh isu yang sama.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas: Tuan Yang di-Pertua, harga buah sawit atau buah tandan segar (BTS) yang ditawarkan oleh kilang sawit Felda pada satu-satu bulan adalah berdasarkan kepada harga purata (weighted average) minyak sawit mentah yang dikeluarkan oleh PORLA pada bulan sebelumnya. Ini adalah kerana Felda tiada melibatkan diri dengan spekulasi harga minyak sawit mentah. Harga ini mungkin rendah daripada harga yang ditawarkan oleh kilang luar ataupun kilang swasta yang mana melibatkan diri dengan spekulasi harga minyak sawit mentah ataupun jualan hadapan (forward selling).

Oleh kerana pada masa ini kilang luar ataupun kilang swasta sukar mendapatkan bekalan buah sawit ataupun BTS disebabkan musim melawas dan kemarau berpanjangan, maka mereka terpaksa membayar harga yang lebih tinggi dari harga yang dibayar oleh kilang Felda untuk mendapatkan buah sawit berkenaan. Mereka berbuat demikian bagi memenuhi kontrak jualan hadapan yang mereka telah tandatangani dengan pembeli ataupun pengimport minyak sawit mentah dari luar negara. Lazimnya musim melawas ialah daripada bulan Januari hingga Mei setiap tahun. Walau bagaimanapun, harga yang ditawarkan oleh kilang luar ataupun kilang swasta dijangka menurun apabila tiba musim memuncak, iaitu daripada bulan Ogos hingga Oktober setiap tahun.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai mengatasi masalah harga ini, Felda telah mengambil langkah-langkah berikut:

- (i) menggunakan harga harian yang dikeluarkan oleh PORLA sebagai asas penentuan harga belian buah tandan segar peneroka kerana faedah ini lebih sesuai;
- (ii) menggred BTS di hadapan peneroka berkenaan dan kadar perahan dimaklumkan kepada peneroka pada masa itu juga;
- (iii) mengadakan bayaran secara mingguan;
- (iv) mengadakan majlis penerangan mengenai harga BTS kepada peneroka-peneroka rancangan sawit. Sehingga kini penerangan telah diadakan di Mokil, Selancar dan Jengka. Di samping itu, penerangan juga telah diadakan di ibu pejabat Felda untuk peneroka gugusan Mendi. Satu majlis penerangan juga insya-Allah akan diadakan untuk ahli-ahli Exco Kerajaan Negeri Johor pada 27 Julai 1998 ini;
- (v) di peringkat ibu pejabat – satu jawatankuasa khas telah ditubuhkan pada 11 Julai 1998 bagi mengatasi masalah harga BTS. Ahli jawatankuasa ini terdiri daripada pegawai-pegawai kanan kumpulan Felda.

Sebagai kesimpulannya harga yang ditawarkan oleh kilang luar kepada peneroka adalah tinggi jika dibandingkan dengan harga yang ditawarkan oleh kilang Felda. Walau bagaimanapun, di dalam satu siasatan yang dibuat oleh pengurusan kilang ke sebuah kilang swasta didapati bahawa kilang swasta itu mengamalkan manipulasiimbangan sehingga 500 kilogram bagi setiap consignment yang dihantar.

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada soalan yang diberikan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Saya ingin mendapat penjelasan. Apakah langkah yang akan dibuat kepada koperasi Felda yang selama ini mengendalikan pengangkutan dan pemetikan buah,

pemunggaan kepada kilang sawit yang peneroka menjual sebelum ini. Kerana didapati koperasi-koperasi ini sudah nampaknya hampir gulung tikar. Kalau keadaan ini berterusan, saya yakin koperasi tidak akan dapat mengutip pinjaman yang telah diberikan kepada peneroka dan akibatnya hutang-hutang koperasi tidak dapat dibayar. Jadi, saya ingin tahu apakah langkah yang akan dibuat antara Felda kilang dan juga pihak pengurusan Felda dan PORLA bagi mengatasi kegawatan di kalangan peneroka ketika ini yang hampir akan memulaukan dan mematikan business Felda kilang dan koperasi berkenaan?

Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas ingatan itu, tetapi mengikut rekod Felda belumlah lagi keadaan seburuk seperti yang digambarkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Jelebu itu tadi. Walau bagaimanapun, sebagaimana yang saya telah jelaskan beberapa langkah telah diambil oleh pihak Felda sendiri dan pengerusi Felda serta pegawai-pegawai kanan Felda sentiasa turun ke padang untuk meninjau masalah-masalah yang timbul. Setakat ini pihak Felda telah mengadakan perjumpaan-perjumpaan dengan para peneroka, dan insya-Allah pada masa yang akan datang akan diadakan juga perjumpaan dengan pihak-pihak koperasi untuk dicarikan jalan bagaimana sama-sama kita boleh mengatasi kesulitan-kesulitan yang timbul.

Sebagaimana yang saya terangkan Felda telah menggunakan sistem baru terutamanya pada bulan Ogos ini kita akan melancarkan beberapa sistem baru yang kita rasa sebagai satu jawapan atau sebagai satu langkah membaiki keadaan-keadaan yang lepas. Misalannya, pada masa-masa yang lepas peneroka Felda diberi bayaran satu bulan sekali ataupun dua bulan sekali. Tetapi mulai 1 Ogos ini bayaran pada peneroka akan dibuat empat kali sebulan ataupun dengan kata yang lain seminggu sekali. Jadi, kita terpaksa memberi bayaran tidak sama dengan kilang-kilang swasta yang kadangkala memberi bayaran pada masa dijual pada masa itu juga. Sebab Felda memerlukan empat hingga lima hari bekerja

bagi menyediakan dokumentasi dan urusan pentadbiran terutamanya pada peneroka-peneroka yang masih belum bayar kembali hutang-hutang atau pembayaran yang terpaksa dibayar pada Felda.

Jadi, kita rasakan dengan ada langkah-langkah baru yang diambil ini peneroka tidaklah merasa bimbang lagi untuk menghantar buah-buah sawit mereka kepada kilang Felda.

Dr. Ramli bin Taib: Tuan Yang di-Pertua, isu harga yang dibeli oleh kilang sawit Felda ini yang dibandingkan dengan swasta telah menjadi isu yang hangat diperkatakan di setiap Felda. Pertamanya, harganya yang jauh lebih rendah, yang keduanya belian dibeli oleh swasta adalah secara cash, dan yang ketiganya ialah grading. Kadang-kadang grading yang dibuat oleh pihak sawit Felda adalah tidak begitu disenangi oleh pihak-pihak peneroka. Jadi, soalan saya adakah pihak peneroka Felda ini diberi pilihan sama ada hendak jual kepada pihak swasta ataupun kilang sawit Felda?

Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan grading ini dilakukan oleh pekerja-pekerja kilang Felda ataupun kita panggil 'grader' yang bertauliah, berpengalaman dan juga mempunyai kemahiran dan grading ini dibuat berdasarkan garis panduan dan juga buku manual yang disediakan oleh pihak PORLA. Pada setakat ini rasa saya tidak adalah rasa tidak puas hati di kalangan peneroka Felda apabila penggredan ini dibuat di hadapan peneroka-peneroka Felda itu pada masa dia datang membawa buah kelapa sawit yang hendak dijualkannya.

Berkenaan dengan pilihan memanglah peneroka Felda terutamanya yang sudah mendapat geran dan tidak berhutang lagi pada kerajaan diberi pilihan untuk menjual sama ada di kilang Felda ataupun di kilang swasta. Tetapi bagi mereka yang masih membayar kembali, yang masih ada hutang dengan Felda kita memerlukan peneroka Felda ini menjual kepada Felda untuk dipotong sebahagian daripada pendapatan itu menampung hutang yang mereka terpaksa

bayar kepada kerajaan. Walau bagaimanapun, sekiranya peneroka-peneroka Felda ini inginkan bantuan daripada kilang Felda, kilang Felda sentiasa prihatin kepada kemahuan mereka dan kalau ada misalannya pihak peneroka tidak puas hati timbangan dengan kilang swasta, pihak Felda sentiasa mahu menolong supaya kelapa sawit yang dibawa itu ditimbang di kilang-kilang komputer Felda dan kemudian boleh ditimbang di swasta untuk memastikan bahawa timbangan itu adalah timbangan yang sama dan yang accurate ataupun yang betul.

PERDAGANGAN MATA WANG - LANGKAH KERAJAAN MENGAWAL/MENGHAPUS

4. Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob [Bachok] minta Menteri Kewangan menyatakan berkaitan dengan kenyataan pemimpin kerajaan bahawa perdagangan mata wang sebagai ‘tidak produktif’ dan telah menyebabkan kegawatan ekonomi negara ini:

- (a) sejauh mana amalan perdagangan mata wang memanfaatkan negara dan berapakah nilai keuntungan/kerugian kepada pihak Bank Negara setelah terlibat dengan perdagangan mata wang;
- (b) apakah langkah-langkah tegas kerajaan bagi mengawal/menghapuskan perdagangan mata wang berkenaan.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar]:

Tuan Yang di-Pertua, perdagangan mata wang merupakan antara aktiviti yang dijalankan di mana-mana pasaran kewangan antarabangsa. Oleh kerana Malaysia memegang teguh kepada prinsip pasaran terbuka termasuklah pasaran perdagangan mata wang, maka adalah sukar bagi kita untuk menyekat kegiatan jual beli mata wang kerana tiada undang-undang untuk menyekat kegiatan tersebut. Oleh itu, Malaysia menjadi mangsa kelakuan yang ekstrem mengakibatkan kejatuhan ketara dalam nilai Ringgit dan juga mengakibatkan kegawatan yang kita hadapi sekarang. Pada masa yang sama Malaysia telah mengesa masyarakat antarabangsa supaya mengembalikan kestabilan kepada

sistem kewangan serantau dan antarabangsa untuk memperkenalkan rangka kerja perdagangan mata wang yang telus di samping menggubal sistem amalan awalan (early earning system), dengan izin untuk menghalang aktiviti spekulasi dana.

Malaysia juga aktif dalam perbincangan Kumpulan 22 Negara-negara Maju dan Membangun yang sedang merangka peraturan antarabangsa bagi mewujudkan rangka kerja bagi guna memastikan peraturan-peraturan ini adalah setanding dengan perkembangan dalam pasaran kewangan global.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini Kerajaan Malaysia telah mencadangkan di beberapa forum atau persidangan antarabangsa untuk menubuhkan satu badan bagi mewujudkan garis panduan atau peraturan untuk mengawal selia perjalanan mata wang antarabangsa ini, yang telah mengakibatkan krisis kewangan atau kegawatan ekonomi di rantau ini. Jadi, sejauh manakah cadangan ini telah diterima oleh negara-negara asing khususnya Amerika Syarikat dan apakah tindakan yang telah diambil oleh kerajaan supaya cadangan ini menjadi kenyataan pada masa hadapan?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, Malaysia memulakan daya utama untuk mewujudkan satu rejim kawalan perdagangan mata wang antarabangsa pada Mesyuarat IMF di Hong Kong dahulu, yang mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah meminta supaya diadakan satu rejim, satu sistem pengawalan terhadap kawalan mata wang. Ini disambut baik oleh pihak IMF pada prinsipnya dan selepas itu Malaysia telah juga mendayautamakan perjumpaan yang dipanggil Manila Meeting, di antara pegawai-pegawai kanan dan juga Timbalan-timbalan Menteri Kewangan yang telah menyediakan satu rangka proposal. Pada masa ini perkara tersebut telah pun dibawa kepada Kumpulan 22 yang bermesyuarat untuk mewujudkan satu rangka ataupun rejim pengawalan ini. Jadi, Malaysia sebagai satu negara yang

terlibat mengambil daya utama dan idea Malaysia ini adalah disambut baik oleh masyarakat dunia termasuk George Soros sendiri.

Ingin saya nyatakan bahawa kita sekarang sedang bermesyuarat dan insya-Allah satu hari nanti akan dapat digubal satu rejim pengawalan perdagangan mata wang antarabangsa supaya jikalau berlaku apa-apa sekalipun di masa hadapan, maka tidaklah negara-negara yang terlibat merasai akibat seperti yang dirasai sekarang.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang komen yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kebelakangan ini, apabila ditanya tentang kemerosotan nilai mata wang Ringgit yang mencecah angka RM4.30 kepada US\$1. Beliau ditanya sama ada berasa bimbang dan jawapan yang diberikan oleh Yang Amat Berhormat ialah bahawa beliau tidak berasa bimbang kerana sistem ekonomi Malaysia akan dirangka semula dan ditukar kepada barter system atau barter trading.

Di sini saya ingin bertanya sejauh manakah Malaysia yang mengamalkan sistem ekonomi liberal boleh menerima barter system. Apakah nilai barter trading yang telah diamalkan oleh negara Malaysia dan sejauh manakah negara kita akan mencapai Wawasan 2020, kalau ekonomi kita adalah berteraskan kepada barter trading yang hanya diamalkan pada zaman jahiliah dan bukanlah selaras dengan zaman moden sekarang.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir Yang Berhormat dari Kota Melaka patut tanya kawan-kawan dalam PAS, apa itu 'zaman jahiliah'. 'Zaman jahiliah' ialah zaman di negara Arab sebelum datangnya Islam. Barter trade berlaku selepas zaman jahiliah. Jadi, salah guna perkataan Yang Berhormat. *[Ketawa]* Yang Berhormat dari Tumpat tolong beritahu.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan apa Yang Berhormat dari Kota Melaka bangkitkan tadi, apa yang dimaksudkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bukanlah kita hendak menggantikan keseluruhan sistem perdagangan kita barter trade. Apa yang dimaksudkan oleh Yang Amat Berhormat ialah barter trading yang hendak dibuat sekarang ini adalah satu daripada usaha-usaha untuk mengurangkan kesan kejatuhan Ringgit berbanding dengan Dolar Amerika.

Di sini Yang Berhormat juga menyebut tentang apa yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat bahawa beliau tidak bimbang kalau jatuh pada 4.2 sekalipun. Yang kita bimbang ialah 'fluctuation' iaitu kejatuhan dan kenaikan yang cepat di dalam masa yang pendek. Seperti yang berlaku sekarang, yang mana mata wang kita duduk pada 4.2; 4.1 di antara 4.1 hingga 4.2 dengan masa yang panjang itu baik, sebab yang pentingnya ialah bukan exchange rate itu sendiri, dengan izin, tetapi ialah kestabilan exchange rate supaya orang-orang yang berdagang dapat membuat plan untuk berdagang. Kalau hari ini 4.2, esok turun 3.5, lusa naik 4.5 hingga 5, maka ini mengucar-kacirkan plan.

Walaupun mata wang kita turun kepada 4.2 Tuan Yang di-Pertua, dari segi positifnya kita telah memperlihatkan bahawa pendapatan (earning) kita daripada eksport meningkat sehingga RM34 bilion dan pertama kali di dalam sejarah kita dalam masa 10 tahun. Akaun semasa kita telah menjadi positif, merchant desk account naik tinggi dan banyak kerana eksport meningkat dengan cukup gigih apabila nilai mata wang kita jatuh. Ini bermakna bahawa segala barangan yang kita eksport adalah dari segi mata wang Dolar Amerika lebih murah daripada negara-negara lain. Jadi, jika dilihat dari segi positifnya kejatuhan kepada 4.2 ini ada kebaikannya, ada hikmatnya Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lim Guan Eng: *[Menggeleng kepala]*

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Yang Berhormat dari Kota Melaka selalu geleng kepala bila saya jawab. Kalau tidak betul lagi, minta dia datang

kepada saya di pejabat supaya kita boleh berbincang secara lebih akademik.

[Ketawa]

**PELAJAR MATRIKULASI DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI
AWAM/SWASTA - BILANGAN DAN PERATURAN**

5. Dato' Salamon bin Selamat [Shah Alam] minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) bilangan dan peraturan pelajar-pelajar matrikulasi yang diambil pada tahun ini di Institusi-institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta; dan
- (b) bilangan pelajar-pelajar terlibat dan nama institusi-institusi Pengajian Tinggi Swasta yang telah diberikan hak program matrikulasi (francais) dan apakah langkah-langkah kementerian untuk memastikan kualiti serta mutu institusi-institusi tersebut dapat dikawal dan dipertahankan.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus]: Tuan Yang di-Pertua, terdapat enam soalan yang menyentuh isu program francais matrikulasi ini dan saya mohon izin untuk hendak menjawab soalan-soalan ini serentak.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila beritahu.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Kena baca ya.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan siapa, ya.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Yang pertama Yang Berhormat Dato' Salamon bin Selamat dari Shah Alam pada hari.....

Tuan Yang di-Pertua: Jangan sebut nama Yang Berhormat, sebutkan kawasan sahaja.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Shah Alam, Libaran, Sepang, Kangar, Marang dan Tanjong Karang.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, seperti mana yang dimaklumkan jumlah pelajar yang mendapat Pangkat 1 dalam SPM pada tahun lepas melebihi Pangkat 2 dan 3. Ini menyebabkan semakin ramai pelajar yang layak memasuki institusi pengajian tinggi awam (IPTA).

Persaingan memasuki IPTA tempatan lebih ketara kerana ramai pelajar cemerlang tidak dapat dihantar keluar negara akibat kegawatan ekonomi. IPTA mempunyai tempat yang terhad dan sebagai alternatifnya sebahagian pelajar ditempatkan di institusi-institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) melalui program francais. Setakat ini 34 IPTS telah dipilih untuk mengendalikan program matrikulasi IPTA.

Dari segi kawalan mutu dan standard program matrikulasi di IPTS, pihak IPTA menubuhkan panel khas untuk memeriksa dan menilai segala kemudahan fizikal, kelayakan tenaga pengajar serta sumber kewangan di IPTS berkenaan sebelum diberi kelulusan. Antara kriteria dalam pemilihan IPTS yang melaksanakan sistem francais ialah dari segi kemudahan fizikal seperti makmal sains, perpustakaan dan bilik-bilik kuliah yang mencukupi dan memuaskan.

Memang terdapat IPTS yang ditempatkan di blok-blok kedai seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat dari Sepang. Namun demikian ia telah diubahsuai untuk digunakan sebagai sebuah institusi akademik dengan pelbagai kemudahan fizikal dan suasana dalam bangunan yang sesuai untuk tujuan pembelajaran. IPTS tersebut juga perlu mendapat kelulusan pendaftaran dari Kementerian Pendidikan serta program-program yang dijalankan mestilah diluluskan oleh Lembaga Akreditasi Negara (LAN).

Bagi memastikan kualiti pelajar berada pada tahap yang tinggi, kurikulum dan bahan pengajaran disediakan oleh IPTA, 70% penilaian adalah melalui peperiksaan yang disediakan dan disemak oleh pensyarah IPTA. Tenaga pengajar di IPTS terbabit juga perlu menghadiri bengkel yang dikelolakan oleh

IPTA sebelum sesi akademik bermula. Antara kandungan bengkel tersebut ialah modul pengajaran berdasarkan kandungan kurikulum. Bilangan IPTS yang telah diambil tindakan kerana membuat iklan palsu setakat ini berjumlah 36 buah dan mereka diberi surat tunjuk sebab.

Tuan Yang di-Pertua, bilangan pelajar yang berjaya dipilih memasuki Program Matrikulasi pada sesi pengajian 1998/1999 adalah seramai 20,045 orang. Daripada jumlah tersebut 12,561 orang ditempatkan di IPTA dan pusat-pusat matrikulasi di sekolah berasrama penuh, manakala 7,484 orang ditempatkan di bawah program kerjasama ataupun francais dengan IPTS-IPTS. Sebanyak 80% program matrikulasi diperuntukkan kepada Program Matrikulasi Sains dan 20% adalah untuk Program Matrikulasi Sains Sosial.

Mengenai bayaran yang dikenakan oleh IPTS. Perlu ditegaskan bahawa IPTS tidak mendapat bantuan kewangan dari kerajaan. Pihak swasta yang mengendalikan IPTS terpaksa melaburkan peruntukan yang besar untuk menyediakan kemudahan infrastruktur, peralatan pembelajaran dan makmal, dengan suasana ekonomi sekarang serta peningkatan kos pendidikan, pihak IPTS terpaksa mengenakan bayaran yang agak tinggi kepada pelajar.

Untuk mengatasi masalah pembiayaan pelajar kerajaan telah menyediakan dana tambahan sebanyak RM101 juta dan setiap pelajar matrikulasi sama ada di IPTA atau Program Francais di IPTS akan dibiayai dalam bentuk biasiswa.

Adalah terlalu awal untuk menyatakan bahawa Program Francais Matrikulasi gagal sebagaimana yang didakwa oleh Yang Berhormat dari Libaran. Tanpa program francais sudah tentu seramai 7,484 pelajar tidak berpeluang melanjutkan pelajaran ke IPT.

Program Matrikulasi akan diteruskan kerana ia merupakan saluran ke Program Ijazah Pertama IPTA. Sehubungan itu juga langkah akan diambil

untuk mengembangkan Program Matrikulasi di bawah Kementerian Pendidikan secara berperingkat-peringkat.

Untuk menampung pertambahan pelajar lebih banyak pusat matrikulasi akan diwujudkan, empat buah pusat matrikulasi yang telah dirancang pembinaannya iaitu Pusat Matrikualsi di Arau Perlis, Kuala Pilah, Negeri Sembilan, Masjid Tanah Melaka dan Pongsu Seribu Seberang Perai akan dapat menampung seramai 9,000 pelajar.

Mulai tahun ini pelajar-pelajar matrikulasi juga ditempatkan di empat buah maktab perguruan iaitu Maktab Perguruan Persekutuan Pulau Pinang, Maktab Perguruan Batu Lintang Sarawak, Maktab Perguruan Sains Bintulu, Sarawak dan Institut Perguruan Darul Aman Kedah. Di samping itu juga kelas-kelas matrikulasi yang terdapat di 15 buah sekolah berasrama penuh pada masa ini akan diperluaskan di sekolah berasrama penuh yang lain. Usaha ini dijalankan sehingga kementerian mampu menempatkan semua pelajar matrikulasi di bawah Kementerian Pendidikan. Sehubungan dengan itu kelas-kelas matrikulasi sistem francais di IPTS dan Program Matrikulasi di Kampus Induk IPTA akhirnya akan diambil alih sepenuhnya oleh Kementerian Pendidikan.

Dr. Maximus Johnity Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada jawapan tadi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya ingin bertanya apakah kriteria yang digunakan untuk memilih pelajar-pelajar lepasan SPM ke pusat-pusat matrikulasi kerana banyak kes di mana keputusan itu dari segi unitnya sama, tetapi pelajar yang lain terpaksa ke peringkat STPM dan tidak dipilih ke pusat-pusat matrikulasi.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi jangka panjang, apakah dasar kerajaan dari segi memperluaskan pusat-pusat matrikulasi ini dan adakah pada satu hari nanti ia akan mengganti peperiksaan STPM?

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, kriteria ini saya fikir semua orang patut tahu, sebab perkara ini bukan perkara baru. Namun demikian, pokoknya yang timbul sedikit kekeliruan rasa saya kerana entry point ataupun syarat kemasukan itu yang kadangkala tidak dapat dipenuhi oleh setengah-setengah pelajar berdasarkan kepada keputusan-keputusan yang mereka miliki. Itu adalah salah satu punca di mana kedapatan misalnya seorang murid atau pelajar yang dapat Pangkat 1 tidak dapat hendak ditampung. Satu lagi ialah kadangkala kita perhatikan ada perkara-perkara lain yang semuanya di sekitar perkara penting iaitu entry point. Kalau seseorang murid tidak dapat hendak mencapai ke tahap itu, walaupun keputusannya baik, tetapi kita tidak dapat hendak menampung ataupun mengambil seseorang pelajar itu.

Dari segi jangka panjang, saya sudah terangkan dalam jawapan tadi, kerana pada akhirnya Kementerian Pendidikan berhasrat untuk mengelolakan sendiri pusat-pusat ataupun pelajar-pelajar yang mengikuti matrikulasi ini dan mengambil kira kepentingan-kepentingan pelajar-pelajar STPM.

Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, salah satu daripada sebab kenapa terdapat masalah dalam menempatkan pelajar-pelajar di matrikulasi ini ialah kerana bilangan pelajar-pelajar yang lulus cemerlang pada tahun sudah adalah satu bilangan yang begitu ramai dalam sejarah.

Saya ingin tahu sama ada peningkatan dalam bilangan pelajar-pelajar yang lulus Gred 1 ini melebihi daripada gred di bawah disebabkan oleh peningkatan dalam standard atau kualiti pendidikan ataupun penurunan dalam menilai kertas-kertas peperiksaan, sebab ada pihak yang mendakwa hakikat bahawa lebih ramai yang lulus bukan kerana mutu meningkat, tetapi standardnya diturunkan, jadi sejauh mana dakwaan ini?

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, jawapannya tidak betullah.

Tuan Yang di-Pertua: Dijawab yang mana satu supaya dia...

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Jadi, dakwaan....

Tuan Yang di-Pertua: jawapannya tidak boleh kata 'tidak betullah'.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Dakwaan yang mengatakan jumlah peningkatan itu disebabkan oleh penurunan nilai itu tidak betul. Peningkatan pencapaian di kalangan pelajar-pelajar itu jelas membuktikan keupayaan dan keberkesanan Kerajaan Barisan Nasional untuk mempertingkatkan mutu tanah air.

BERAS - HARGA DITAWARKAN OLEH PADIBERAS NASIONAL BERHAD

6. **Tuan Wong Kam Hong [Bayan Baru]** minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) harga beras yang ditawarkan oleh Padiberas Nasional Berhad (Bernas) kepada anak-anak syarikatnya dan pemborong-pemborong lain; dan
- (b) apakah tindakan kementerian terhadap Bernas sebagai pengimport beras tunggal negara telah menyalahgunakan kuasa dalam pengagihan beras dengan harga berbeza terhadap pemborong sehingga menimbulkan tekanan yang memaksa pemborong menaikkan harga beras.

Timbalan Menteri Pertanian [Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) untuk makluman Ahli Yang Berhormat Bernas menjual beras dengan harga yang sama kepada semua pemborong beras termasuk anak-anak syarikatnya, kecuali Bernas Mart Sdn. Bhd., atau B-Mart bagi beras import dari gred-gred tertentu sahaja. Ini adalah memandangkan harga beras B-

Mart merupakan harga patut untuk pengguna-pengguna. Di samping itu B-Mart juga berperanan sebagai penunjuk kualiti gred beras dan penanda aras atau bench mart, harga beras yang berpatutan dan stabil di pasaran.

Pengguna boleh membandingkan harga dan gred beras yang dijual di B-Mart dalam membuat keputusan untuk membeli beras. B-Mart boleh menjadi alternatif yang lain kepada pengguna untuk mendapatkan bekalan beras. Harga jualan beras adalah punca utama oleh Bernas kepada pemborong-pemborong dan anak-anak syarikat Bernas bagi satu tan metrik adalah seperti berikut:

(i)	Super 5% tempatan	-	RM1,200
(ii)	Super 10% tempatan	-	RM1,050
(iii)	Super 15% tempatan	-	RM1,090
(iv)	Premium tempatan	-	RM 920
(v)	Standard tempatan	-	RM 860
(vi)	Wangi A import	-	RM2,100
(vii)	Wangi AA import	-	RM2,650
(viii)	Wangi AAA import	-	RM2,850

Panjang sedikit Tuan Yang di-Pertua

Tuan Yang di-Pertua: Panjang sedikit tidak apa, jangan panjang banyak.

Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Jadi, saya bacalah.

Tuan Yang di-Pertua: Sedikit atau banyak?

Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Panjang banyak.

Tuan Yang di-Pertua: Banyak.

Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Jadi, saya akan.....

Tuan Yang di-Pertua: Minta beri jawapan dengan cara tulisan.

Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Saya akan sambung dengan (b).

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Saya akan sampai kepada Yang Berhormat. Sebab semua jenis beras ini termasuk Beras Wangi, Basmati dan sebagainya.

Seorang Ahli: Beras mati!

Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: 'Basmati', bukan 'beras mati'. *[Ketawa]*

(b) Kementerian Pertanian berpuas hati dengan tindakan Bernas dalam mengendalikan tugas dan tanggungjawabnya seperti yang diamanahkan oleh kerajaan bahawa Bernas telah menyalahgunakan kuasanya adalah tidak berbangkit.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: *[Bangun]*

Beberapa Ahli: *[Sorak]*

Tuan Yang di-Pertua: Dia bangun dengan bunyi pula! *[Ketawa]*

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri bila harga durian mahal, orang yang mempunyai banyak dusun durian - kaya, macam Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]* Orang yang ada dusun durian - kaya atau senang, contohnya. Tetapi orang yang ada banyak bendang menjadi miskin. Harga beras mahal, petani miskin. Jadi saya ingin minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Pokok Sena. Apa yang

telah diperkatakan oleh Yang Berhormat itu sebahagiannya adalah benar, kerana pada masa inilah kita tengok kebanyakannya yang mendapat keuntungan besar ialah bukan penanam, tetapi orang-orang tengah. Orang-orang tengah inilah yang setengahnya mengambil peluang. Jadi, sebab itu kementerian telah membuat peraturan sekarang ini, iaitu pengedaran padi tidak akan dibenar dipindahkan kepada kawasan-kawasan yang penggunaan berasnya melebihi, misalnya padi dari Selangor, Perak tidak dibenar dipindah ke Kedah dan Perlis kerana beras yang ada di Kedah, Perlis itu sudah cukup untuk menampung keperluan kedua-dua negeri malah 50% daripada beras itu adalah untuk kepentingan negara. Jadi, ini bermakna orang-orang tengah tidak akan dapat dengan sewenang-wenangnyalah menguasai padi-padi dari negeri-negeri lain dengan harapan supaya tidak berlaku perlumbaan pembelian padi. Yang mendapat untungnya ialah ejen-ejen, drebar-drebar lori yang memperolehinya. Tetapi yang sepatutnya memperolehi keuntungan kalau harga padi tinggi ialah penanam-penanam. Oleh sebab itu, Yang Berhormat kena sokong kementerian, insya-Allah kita akan teruskan.

Datuk Lim Si Cheng: Tuan Yang di-Pertua, kini terdapat sebanyak lebih kurang 1,500 pemborong beras di negara kita dan saya telah menerima aduan daripada mereka melalui persatuan yang berkenaan, yang menyatakan bahawa mereka membeli beras daripada Bernas memang harganya lebih tinggi daripada beras yang dijual oleh anak syarikat mereka. Jadi, saya ingin memberi contoh beras Siam, apabila pemborong membeli beras daripada Bernas satu kilo harganya RM1.73, manakala Bernas menjual beras kepada anak syarikat mereka hanya berharga RM1.57 satu kilo, jadi ada beza. Beras Wangi apabila....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat jangan panjang sangat.....

Datuk Lim Si Cheng: Okey, lagi satu contoh. Beras Wangi apabila Bernas jual kepada anak syarikat hanya RM1.95, tetapi kepada pemborong berharga RM2.90. Jadi, mengikut apa yang saya dimaklumkan perkara ini

memang tidak munasabah dan perkara ini dimaklumkan telah disampaikan juga kepada Kementerian Pertanian. Soalan saya, adakah kerajaan atau Kementerian Yang Berhormat bersedia mengeluarkan lebih banyak permit import beras supaya pasarannya lebih kompetitif.

Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Senai. Saya sudah jawab tadi, tetapi saya belum baca tentang Super Thai White Rice 5% import yang dijual ialah RM1.58 satu kilo. Jadi, apa Yang Berhormat kata RM1.57 atau RM1.58 itu semua sekali - tidak ada perbezaan.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat memang benar lebih daripada 1,500 pemborong yang ada di seluruh negara, tetapi yang aktif hanya 300 sahaja. Jadi, kita di kementerian yang mendaftar pemborong di bawah kawal selia dan saya hendak memberitahu kepada Yang Berhormat juga bahawa semua jenis beras yang dijual di Bernas adalah lebih rendah harganya jika dibandingkan dengan pihak pengilang yang lain.

Sehingga ini Bernas juga mempunyai 12,000 lebih outlet yang dihantar beras. Kepada orang ramai kalau hendak membeli beras berharga munasabah belilah beras keluaran daripada Bernas. Jadi, kementerian penuh yakin bahawa Bernas boleh memainkan peranan dan tanggungjawab sosial. Oleh sebab itu kita tidak bercadang untuk hendak membukakan peluang kepada syarikat-syarikat lain untuk mengimport beras daripada luar negara, kerana kita tidak dapat mengawal kalau terlalu banyak kompeni yang mengimport kerana mereka sudah pasti tidak akan dapat menjalankan tanggungjawab sosialnya. Itu pandangan saya.

KEMPEN MENANAM POKOK KEBANGSAAN - SOKONGAN DI PERINGKAT NEGERI

7. **Tuan M. Kulasegaran [Teluk Intan]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa kempen

menanam pokok kebangsaan telah mendapat sokongan yang amat dingin pada peringkat negeri dan 3 negeri mencapai matlamat 25% dari sasaran tahunan:

- (a) mengapakah terdapat negeri-negeri di negara ini yang tidak berminat dalam kempen ini; dan
- (b) apakah akibat/kerugian dari tindakan yang tidak bertanggungjawab oleh negeri-negeri tersebut.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan Peter Chin Fah Kui]: Tuan Yang di-Pertua, laporan berdasarkan kepada laporan pencapaian yang diterima semenjak Kempen Menanam Pokok Kebangsaan secara rasmi dilancarkan, pencapaian pada tahun pertama iaitu tahun 1997 adalah ditahap sederhana.

Pada tahun pertama iaitu sepanjang tempoh 9 bulan, mulai bulan Mac hingga Disember 1997, pencapaian keseluruhan adalah sebanyak 76.74% daripada sasaran tahun 1997. Ini bermakna daripada sejumlah 750,000 batang pokok yang disasarkan untuk tahun 1997 sebanyak 575,572 batang pokok telah ditanam. Angka ini dianggarkan bukan satu angka menyeluruh memandangkan aktiviti penanaman pokok telah banyak dilaksanakan oleh agensi kerajaan dan badan bukan kerajaan NGO, tetapi yang nyata aktiviti ini tidak dilaporkan dan ianya dilaksanakan secara berasingan di bawah kementerian, jabatan dan pertubuhan masing-masing.

Walau bagaimanapun dalam tempoh setahun kempen ini dilaksanakan iaitu sehingga Mac tahun ini pencapaian ialah sebanyak 672,802 batang pokok telah ditanam. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah menubuhkan Jawatankuasa Pemandu Kempen Menanam Pokok seluruh negara bagi memastikan kerja-kerja penyelarasan dan pemantauan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan lagi. Ahli-ahli adalah terdiri daripada agensi Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri, pihak swasta dan juga NGO.

Tuan M. Kulasegaran: Tuan Speaker, soalan tambahan. Dalam proses menanam pokok kebangsaan ini adalah didapati bahawa banyak pokok yang ditanam ini adalah pokok-pokok yang dibawa dari luar negeri. Apakah sebab ini kerana kita ada pokok-pokok yang keluaran dari negara ini sendiri dan kenapa ia tidak diutamakan?

Tuan Peter Chin Fah Kui: Saya rasa anggapan itu tidak betul, Tuan Yang di-Pertua, sebab memang kita galakkan pokok-pokok yang asli di Malaysia ini ditanam di seluruh negara ini kerana itulah pokok yang boleh tumbuh dengan baik dan cepat. Kalau ada jenis luar negeri itu hendak ditanam, saya rasa itu jenis palma (palms) yang sekarang di Malaysia ini juga pelbagai jenis palma ini yang kita tanam tetapi itu bukan dimaksudkan sebagai pokok yang kita maksudkan dalam kempen ini. Yang ada dalam kempen ini pokoknya ialah jenis tumbuhan yang ada kayu dalam floranya, bukan creepers, dengan izin, atau palma.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Di negara jiran kita orang-orang luar bandar yang mana melaporkan tentang kelahiran anak diberi pilihan sama ada hendak sepuluh pokok setang ataupun sepuluh pokok jati untuk ditanam. Ini betul, bukan cerita dongeng, jadi kita tidak payahlah beri pokok sena. *[Ketawa]* Pokok setang sebab apabila dia lapor dia dapat anak baru itu, dia beri sepuluh pokok, balik tanamlah. Kalau dia tidak ada tanah, dia bubuhlah di mana-mana, ikut suka dia, ini menggalakkan orang tanam pokok. Jadi, tidak adakah rancangan kerajaan supaya orang-orang luar bandarlah, jangan beri kepada Teluk Intankah tanam pokok, dia balik habis buat sayur. *[Ketawa]* Jadi kita di luar bandar terutama sekali kawasan-kawasan macam di negeri Pahang bila ada orang lapor kelahiran anak, kita berilah pokok jatikah atau pokok setang untuk dia tanam, ini menggalakkan. Terima kasih.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Ya, saya rasa cadangan itu baguslah. *[Ketawa]* Apa yang menjadi masalah, Ahli Yang Berhormat, kita kekurangan peruntukan. Kalau kita hendak bekalkan pokok ini kepada seluruh negara dan semua lapisan, maka masalah peruntukan. Kalau kita dapat benih-benih ini percuma, kita bolehlah.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup, Yang Berhormat.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 8 hingga 70 akan dijilid dalam buku berasingan]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN
(1998) 1998

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1998 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA PERKHIDMATAN
KEWANGAN LUAR PESISIR LABUAN (PINDAAN) 1998

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan 1996; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan; dibaca kali yang pertama, akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG
RANG UNDANG-UNDANG PENGURUSAN DANAHARTA
NASIONAL BERHAD 1998

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang”. *[14 Julai 1998]*

Tuan Yang di-Pertua: Minta Yang Berhormat dari Wangsa Maju menyambung ucapan.

3.35 ptg.

Dato’ Dr. Kamal bin Salleh [Wangsa Maju]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Semalam sewaktu penangguhan ucapan saya, saya telah menyebut tujuan saya selepas membincang tentang perkara-perkara dasar berkaitan dengan Rang Undang-undang Penubuhan Perbadanan Danaharta negara ini untuk membangkitkan beberapa perkara khusus yang berkaitan dengan peruntukan-peruntukan dalam rang undang-undang ini.

Pertamanya, saya ulangkan yang berkaitan dengan sama ada bidang tugas ataupun peruntukan dalam rang undang-undang ini dapat mengelak daripada melibatkan NPL ataupun hutang yang tidak terbayar bagi syarikat-syarikat yang terlibat dalam penswastaan bahagian infrastruktur kerana ini sudah pun ada seperti diumumkan oleh Menteri Kewangan, satu dana khas baginya, dengan itu yang lain-lain ini bolehlah ditujukan kepada pihak yang berkehendak dari segi pemiutang yang lain.

Perkara kedua yang saya hendak bangkitkan dan saya sebut semalam ialah berkaitan dengan kriteria pemilihan ataupun peletakhakan baru dari segi assignment of debt yang usang ini kepada danaharta ini sendiri berasaskan apa masalah. Pertamanya, dari segi apa yang dibayangkan oleh pihak kementerian, pembiayaan bagi Danaharta ini yang perlu untuk membeli atau mengambil alih

dan dengan itu membayar kepada penjual iaitu bank yang mengeluarkan pinjaman kepada pemiutang supaya dapat digunakan semula untuk peminjaman baru kepada pihak lain ataupun pihak yang lebih berproduktif terhad oleh kerana jumlah nilai keseluruhan NPL sudah pun melebihi kemungkinan pembiayaan tersebut oleh Danaharta sahaja.

Jadi, soalnya kalaulah pada tahap 10% daripada jumlah hutang yang dikeluarkan berjumlah lebih kurang RM480 bilion dalam sistem bank komersial sekarang ini, bermakna bahawa NPL ialah RM48 bilion tetapi kalau ini meningkat kepada 20% seperti setengah pihak komentar, penganalisa dan sebagainya mengatakan kepada 20% bermakna RM96 bilion perlu dibiayai untuk hendak diambil alih keseluruhan daripada NPL daripada banking system tersebut. Ini tidak mungkin walaupun kita dapat meningkatkan keyakinan pelabur asing daripada sumber luar bon yang dikeluarkan itu pada peringkat-peringkat tertentu akan mendapat penerimaan oleh pelabur-pelabur asing ataupun kita bergantung sebagai permulaan kepada penyertaan dalam negeri sama ada dari kalangan Petronas ataupun EPF sendiri sebagai pemegang bon, maka mereka ini mendapat pulangan seperti telah diperhitungkan risiko dan 'pricing'nya tentu sekali dapat memulakan proses pembiayaan ini. Tetapi walaupun usaha ini secara betul-betul positif dan kita optimis, mungkin kita dapat membiayai keseluruhannya. Maka ini menimbulkan satu perkara yang amat penting bagi pihak penjual dan juga pihak Pengurusan Danaharta kerana apabila hak pemiutang itu sudah diletakhakkan ke dalam satu treaty antara penjual dengan pihak Danaharta, maka kepentingan pemiutang itu iaitu sebagai third party walaupun bercagar adalah terjejas. Maka dengan itu pihak bank keseluruhannya ataupun individu membuat satu klasifikasi ke atas NPL ini.

Walaupun digelar sebagai NPL sama ada tiga bulan ataupun enam bulan, ianya harus diklasifikasikan oleh bank tersebut dalam proses mengenal pasti manakah yang akan dijual ataupun diletakhakkan kepada Danaharta mengikut

taraf kualiti aset tersebut, iaitu kualiti pemiutang, dari segi kualiti 'collateral'nya iaitu asetnya khususnya selalunya ialah hartanah, kalau saham itu memang sudah hangus. Bagaimanapun, bagi hartanah ada punyai nilai dan nilai ini oleh kerana diberi satu fair value dan market value memanglah penting dalam hal ini tetapi masih lagi pihak pemiutang sudah terkadai hak apabila NPL itu dipindahkan.

Ini membangkitkan secara relevan isu Yang Berhormat dari Machang telah timbulkan dalam ucapan beliau iaitu sama ada peruntukan di dalam rang undang-undang ini adalah bercanggah dengan peruntukan Perlembagaan dari segi hak pemilik tanah dan isu kanun akan berbangkit daripada rang undang-undang ini yang akan terpaksa dipinda pula oleh Dewan ini apabila dibentangkan oleh kerajaan nanti dalam sidang ini.

Tetapi yang saya hendak bangkitkan ialah oleh kerana klasifikasi ini bergantung kepada mutu dan keupayaan syarikat yang terlibat dan masalah yang dihadapi oleh ekonomi berkait dengan urus niaga dan keadaan pasaran termasuk nilai mata wang dan saham dan juga kedudukan hartanah dan sekarang pula ekonomi begitu lembab dan kita akan melaksanakan melalui rancangan kerajaan untuk memulih kembali kedudukan ekonomi ini tetapi mungkin memakan masa. Maka kita melihat kepada peruntukan dalam Rang Undang-undang Pengurusan Danaharta ini ialah bertujuan untuk memberi kesempatan untuk kita membolehkan sama ada pihak bank sebagai pengeluar pinjaman dan kepada syarikat itu sebagai pemiutang dengan danaharta ini satu cara untuk mengelak daripada perundangan ataupun menghadapkan pemiutang itu kepada compulsory liquidation iaitu bankruptcy.

Soal bankruptcy ini juga kita tahu dalam mesyuarat yang lepas pihak Yang Berhormat dari Kuala Pilah telah membangkitkan betapa perlunya kita juga mengkaji semula peruntukan-peruntukan perundangan berkaitan dengan bankruptcy loss dan Chapter XI ataupun semakan Chapter XI bagi memperlingkungan pemiutang. Dalam hal ini, dari segi klasifikasi tersebut kalau

kita melihat kepada semangat jika tidak pada peruntukan dalam rang undang-undang ini, maka amat perlulah kita ada satu sikap yang lebih positif untuk mempertahankan kedudukan pemiutang sebagai the third party di mana haknya sudah dipindahkan, masa depannya sudah pun dimasukkan, dirangkumkan dalam treaty ataupun kontrak penjualan antara bank sebagai penjual dan Danaharta sebagai pembeli NPL tersebut.

Dalam hal ini saya mencadangkan kita harus menggunakan instrument ini dengan cermat. Walaupun dalam peruntukan-peruntukan dan saya melihat memang dalam peruntukan yang ada di sini daripada.....

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun, Yang Berhormat, hendak beri jalan?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Speaker, saya cuma minta penjelasan apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat 'pemiutang'kah atau 'siberhutang'?

Dato' Dr. Kamal bin Salleh: Saya menggunakan mengikut takrifan 'pemiutang' di sini, iaitu pemiutang bercagar orang terjejas, maknanya the interested party yang borrow – berhutang.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, the borrower.

Dato' Dr. Kamal bin Salleh: The borrower.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, itu siberhutang – pemiutang. Untuk saya menjawab nanti, saya perlu clarification yang ini.

Dato' Dr. Kamal bin Salleh: Apa pun istilah yang digunakan dalam konteks ini, saya mengambil pengertian bahawa sipemiutang bercagar yakni secured borrowers yang terjejas, maknanya disgrace loans means the third party yang sudah dipindah milik hak mereka itu kepada treaty antara penjual dengan Danaharta. Jadi, segala perundingan termasuk perlantikan pengurus khas,

termasuk cadangan penyusunan semula NPL tersebut, termasuk penilaian hartanah tersebut ataupun aset itu dan termasuk discounting oleh bank dan sebagainya, semuanya ini sudah tidak lagi dari segi perundangan dalam hak sipemiutang. Jadi, itulah yang saya maksudkan.

Kita perlu mencari satu tindakan yang mengikut semangat bahawa Danaharta ini ditubuhkan bukan untuk hanya bagi bank diperlindungi supaya mendapat bayaran balik hutangnya itu. Kalau begitu, maka kita mengikut proses penghakiman dengan bankruptcy laws. Jadi, ini adalah tujuan kita untuk tidak sampai ke tahap itu kerana kita sangka dan jangkakan bahawa masalah yang dihadapi oleh pemiutang itu adalah kebanyakan masalah itu timbul daripada faktor yang tidak dapat dikawal oleh keadaan ekonomi, keadaan currency, saham dan sebagainya walaupun ada masalah dalaman.

Semalam Yang Berhormat dari Balik Pulau menumpukan dalam ucapan beliau khusus kepada tindak-tanduk bank itu sendiri, bank yang begitu bebas dan tanpa mengira soal prudents, guidelines, dengan izin, dan sebagainya telah mengeluarkan begitu banyak pemungut hutang, maka mereka juga harus bertanggungjawab. Maka IMF sendiri mengatakan bahawa pihak bank harus kita lihat setengahnya itu bankrap kerana mereka juga yang bersalah dalam hal ini, maka mereka perlu menerima padahnya. Apakah patut kita menyelamatkan mereka itu apabila mereka sudah membuat kesilapan tetapi kita tahu bahawa dalam keadaan dasar kerajaan untuk memupuk usahawan bumiputera untuk menjanakan pertumbuhan ekonomi yang lebih pesat, untuk menyediakan bahan-bahan strategik dan juga prasarana dari segi infrastruktur.

Dalam tahun 1990 saya ingat lagi apabila kita dikritik oleh pihak Jepun, pihak Jepun sendiri mengatakan kedudukan dan kesinambungan pertumbuhan dan kemampanan pertumbuhan ekonomi kita pada tahap yang sebegitu, ini sebaik sahaja kita menghadapi masalah the total black-out ataupun the big black-out, tahun berapa itu saya lupa, dia mengatakan bahawa Kerajaan Malaysia perlu

membiyai satu program pembentukan prasarana sama ada dari segi elektrik, jalan raya dan sebagainya dan keseluruhan Asia terlibat dalam hal ini. Maka dalam keadaan yang sedemikian, kita telah pun membuat perbelanjaan dan pembiayaan melalui sumber dalam negeri mahupun daripada pelaburan asing.

Jadi, dalam hal inilah maka saya rasakan soal semangat itu sangat penting. Saya mencadangkan supaya apabila penjual iaitu bank-bank melihat, mengkaji kedudukan NPL mereka itu bahawa mereka melihat kepada peminjam-peminjam ini mengikut kualiti asetnya. Memanglah apabila sudah diklasifikasikan sebagai NPL, mengikut undang-undang sudah perlu ada provision dan sebagainya dan seterusnya segala tindakan hakim perlu diambil tetapi tujuan Danaharta ini ialah sebelum tercapai pada tahap itu. Mungkin ada sesuatu yang boleh diselamatkan, that is something we can salvage, dengan izin. Dengan itu, mem'promote'kan syarikat tersebut untuk bergerak balik, tambah lagi apabila pemulihan ekonomi itu akan mengambil masa dan dengan itu peluang untuk mereka berniaga 'on going constant basis' tidak tercapai pada peringkat jangka pendek ini.

Jadi, dalam hal inilah saya rasa sehubungan juga dengan apa yang telah diumumkan oleh Menteri Kewangan semalam bahawa satu daripada empat cadangan termasuk deficit financing yang akan diumumkan melalui rang undang-undang yang akan dibahaskan di sini yang baru sahaja dibaca pada pertama kalinya dalam Dewan tadi dan juga dari segi Danaharta ini sebagai langkah yang kedua dan ketiga ialah dari segi special purpose vehicles untuk tujuan membiayai semula modal bank-bank. Ini adalah satu langkah yang saya kira bijak dan aspek-aspeknya perlu kita bincang dan dengar daripada pihak kerajaan apakah ciri-cirinya. Dan keempatnya, ialah melalui Jawatankuasa Penyelia Penyusunan Semula Korporat. Ini juga adalah menunjukkan keprihatinan kerajaan supaya dalam keadaan ini pihak-pihak yang digalakkan terlibat dalam dunia perniagaan dan juga yang terlibat secara langsung dalam perniagaan ini diberi kesempatan untuk menyusun semula dan sedang berlaku,

ini memang dalam proses keadaan sekarang ini – down sizing, resizing, right sizing, reengineering process, menjual subsidiari yang tidak kena-mengena dengan core business, dengan izin, semuanya ini adalah termasuk beli tanah dan sebagainya daripada cash yang ada daripada core business, dengan itu terjebak dalam keadaan krisis hartanah sekarang ini.

Jadi, kalau itulah semangat dan tujuan kerajaan maka saya cadangkan supaya proses itu, maknanya semua NPL yang hendak dicadangkan oleh bank untuk dijual sebagai penjual kepada Danaharta, sebelum ianya masuk dalam satu treaty di mana hak ketiga iaitu pemiutang itu tidak lagi dapat dipertahankan secara hak dan secara hukumnya maka dia perlulah dirunding bersama sebelum ianya dicadangkan untuk dijual. Kalau ini dapat dibuat secara rasional, secara telus, secara terbuka dan soal reschedule link of debt dan sebagainya sedang berlaku dan tiap-tiap syarikat dalam proses mencari jalan bagaimana menyusun semula, to reschedule hutang mereka dan sebagainya.

Kalau melihat kepada NTA masing-masing lebih daripada keadaan yang cukup baik walaupun NPLnya kerana mudah cairnya terjejas, maka ini menjadi satu isu hubungan antara pemiutang sebagai pelanggan dengan bank. Bank kita selalu seperti disebutkan oleh rakan saya Yang Berhormat dari Balik Pulau, dalam sistem negara kita bergantung untuk membiayai perniagaan, perbelanjaan, permodalan dan pelaburan sama ada melabur dengan amanah saham ataupun melabur dengan membuka syarikat-syarikat dan perniagaan kepada hutang. Maka oleh kerana kita bergantung kepada hutang ini, jadi isu mudah cair dan isu credit crunch ialah punca utama kemelesetan kita ini. Dengan itulah maka cadangan-cadangan ini dikhusus lebih daripada itu, selain daripada lain-lain safety net issue dan sebagainya.

Jadi, dalam hal keadaan inilah saya rasa seelok-eloknya proses treaty baru antara penjual bank dengan Danaharta haruslah sebagai ‘a last resort’. Bukan tujuan tidak memberi kesempatan untuk Danaharta memainkan peranan. Yang

kita maksudkan ialah memainkan peranan complementary dan integrated approach terhadap krisis kewangan kita ini. Jadi, itu satu yang saya rasa juga perlu dipertimbangkan oleh kerajaan.

Keduanya, berkaitan dengan hal hak pihak ketiga ini iaitu sipemiutang bercagar ini yang terjejas. Saya senang melihat ada peruntukan-peruntukan walaupun haknya dari segi perundangan telah dipindahkan kepada Danaharta melalui treaty penjualan ini dan ada cadangan untuk penyusunan semula NPL ini termasuk perundingan mengikut pricing aset yang terlibat dengan pihak penjual, namun ada peruntukan-peruntukan yang membolehkan pemiutang syarikat itu untuk berunding dan membuat objection apabila pihak Danaharta ataupun pengurus khas yang dilantik oleh Danaharta untuk mengurus aset ini, dia boleh membuat objection, dia boleh membuat pandangannya tetapi semuanya adalah bergantung kepada pegawai tersebut dan akhirnya pihak Danaharta sendiri memutuskannya.

Kalau ada objection dalam provision ini, maka pihak pegawai pentadbir khas itu diberi tangguh tempoh 12 bulan untuk perundingan baru ataupun perundingan bersama dengan pihak pemiutang melalui penjual dalam satu komiti baru supaya memberi kesempatan selepas pihak Danaharta memutuskan untuk melaksanakan selepas perantikan pentadbir khas tersebut. Jadi, dalam hal ini kalau ada objection lagi maka lagi 12 bulan boleh ditambahkan kepada perundingan tersebut. Kalau pun tempoh itu sudah kehabisan, Danaharta tidak boleh menunggu lagi, maka ada pula satu provision yang saya rasa baik iaitu penasihat bebas boleh meng'arbitrate'kan terutama sekali dari segi perletakan nilai pasaran bagi aset tersebut.

Kita harus memahami bahawa aset tersebut nilainya terjejas oleh kerana keadaan pasaran. Exposure bagi bank itu ialah dia membiayai projek tersebut dengan menggunakan aset itu sebagai cagaran sama ada saham, hartanah, bon atau lain-lain sekuriti tetapi dalam konteks ini nilai aset-aset ini sudah jatuh.

Jadi, dengan demikian kita harus memberi kesempatan kepada satu penyusunan semula hutang ini mengambil kira penat lelah idea dan visi pemiutang ataupun syarikat tersebut. Ini lebih penting dalam perkara yang terakhir saya akan bangkitkan, iaitu dalam hal ini biarlah kita mempunyai satu pendekatan yang positif terhadap pemiutang-pemiutang dalam keadaan ini. Itu yang saya lihat dalam peruntukan perenggan 41(1) sehingga 41(6) memberikan kemudahan ini dan seterusnya sampai kepada peruntukan 50 menunjukkan bahawa kerajaan dalam membentuk usul ini prihatin tentang kepentingan vested party.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin membangkitkan perkara yang seterusnya iaitu berkaitan dengan jika bank itu mempunyai sikap yang sedemikian iaitu yang melihat kepada sipemiutang sebagai 'a partner in business', bukan sahaja 'arms length dealing' dari segi hanya hendak kutip balik pinjaman sahaja, that is not just a debt collector. Dalam keadaan sekarang ini kalau bank bersikap hanya untuk collection of debt, orang yang hendak kena bayar itu tidak mempunyai keupayaan hendak membayar maka alternatifnya hanyalah untuk membankrapkan sipemiutang tersebut, ini satu yang agak drastik dalam keadaan ekonomi sekarang.

Oleh yang demikian, kita mencadangkan supaya bank ini mempunyai sifat-sifat sedemikian. Saya ingin mencadangkan, mungkin dapat dipertimbangkan oleh Menteri Kewangan dalam Belanjawan bagi tahun 1999 bahawa mana-mana bank yang bersikap sedemikian dan telah boleh membuat provision, maksudnya provision umum bagi hutang-hutang bad loans, no specific provision but general provision, maka mereka harus diberi galakan insentif cukai sama ada 50% daripada total provision itu ataupun keseluruhannya, ini terpulung kepada kementerian. Dengan ini menggalakkan bank sebelum dia membuat sesuatu kedudukan untuk menangani masalah NPL ini sebelum dia membuat keputusan untuk membankrapkan orang ini ataupun sebelum dia melibatkan diri dalam jawatankuasa pemandu untuk menyusun semula struktur korporat itu, dia

telah dengan sendirinya membuat provision. Ini bergantung kepada kedudukan modalnya. Jika dia satu bank yang tidak kukuh, maknanya capital ratio terjejas oleh kerana NPL, maka tentu sekali dia tidak berupaya untuk membuat provision ini because it will take a loss and therefore the balance sheet akan terjejas. Jadi, dengan demikian kalau dia kukuh dan bersimpati dengan masalah ekonomi sekarang ini dan juga sipemiutang secara khusus yang dia sendiri mesti lebih kenal daripada kita, maka eloklah dia diberi galakan dan saya cadangkan supaya insentif ini diberi dalam Belanjawan 1999.

Saya juga ingin menimbulkan berkaitan dengan soal pihak ketiga ini ialah agenda bumiputera dalam hal yang bersangkutan dengan Danaharta ini. Apa yang dibuat dalam Danaharta ini seperti langkah-langkah tidak membezakan antara bumiputera ataupun bukan bumiputera kerana kesemuanya terkena mendapat akibat yang buruk daripada kemelesetan ini. Namun demikian, kita tahu dari data yang kita ada bahawa lebih banyak syarikat bumiputera yang terjejas kedudukan kewangan dan perniagannya, dengan itu melibatkan masalah pembiayaan hutang ini dalam keadaan ekonomi yang meleset ini.

Ini disebabkan oleh syarikat-syarikat bumiputera bergantung secara terbesarnya kepada pembiayaan perniagaan mereka melalui berhutang. Walaupun banyak yang telah disenaraikan, bukan semuanya dapat disenaraikan, lebih banyak yang terlibat dengan IKS dan lain middle saiz syarikat-syarikat yang baru mula hendak berniaga bergantung kepada pinjaman. Jadi, dengan yang demikian, agenda untuk kita melaksanakan hasrat membentuk MPPB (Masyarakat Perniagaan dan Perindustrian Bumiputera) akan terjejas jika NPL ini menjadi satu instrument yang boleh mengurangkan pemilikan bumiputera dalam ekuiti ataupun harta-harta perniagaan tersebut.

Bukan ini sahaja tetapi dari segi pemilikan pengurusan mereka akan diambil alih oleh pentadbir khas yang dilantik secara objektif oleh Danaharta. Maka, perlu ada satu cara untuk kita selain daripada perundingan seperti yang

sama maksudkan sebelum di bawa ataupun diambil alih oleh Danaharta, bahawa syarikat tersebut harus dapat bekerjasama dengan pihak pegawai khas ini untuk memberi kesempatan kerana seperti yang saya sebutkan, ilham, tenaga dan sumber telah digemblengkan oleh pihak-pihak usahawan baru ini. Mereka ini harus diberi bimbingan dan kalau tidak ada pun bantuan untuk menyelamatkan mereka ini, maka hasrat dan matlamat kita untuk memupuk masyarakat usahawan baru di kalangan bumiputera ini akan terjejas.

Maka dengan itu saya mencadangkan bahawa dalam 'scheme of arrangement' selepas ianya diambil pindah diletakhakkan kepada Danaharta supaya mereka-mereka ini sekurang-kurangnya dalam 'scheme of arrangement' tersebut, dalam cadangan pengurusan bagi hutang-hutang yang lapuk ini diberi kesempatan untuk membeli balik harta tersebut. Saya harap ini tidak akan menimbulkan, dalam peruntukan ini saya tidak dapat lihat, Tuan Yang di-Pertua, apa yang menghalangkannya melainkan mungkin berkait dengan soal Y2G. Tetapi apabila dipindah milik daripada syarikat itu kepada Danaharta maka isu Y2G berkaitan dengan soal bank sebagai penjual dan bukan sebagai pemiutang.

Jadi, kalau begitu betulnya dari segi hukumnya, maka saya cadangkan supaya pihak ketiga ini diberi peluang untuk membeli balik atas apa 'arrangement' sekali pun, selepas ianya diurus buat sementara melalui pembiayaan oleh Danaharta. Apabila ekonomi kita telah makin

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: *Bangun*

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin [Yan]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan pandangan Yang Berhormat tadi, saya ingat sistem ini juga telah diamalkan oleh kerajaan apabila kerajaan melancarkan Tabung Pemulihan Usahawan (TPU) di mana kerajaan membantu untuk mempertahankan kedudukan perniagaan yang berkenaan dan walaupun kadang-kadang harta itu diambil alih buat sementara tetapi apabila sipeniaga ini dapat

berdiri semula maka mereka ini diberi kesempatan, keutamaan untuk memiliki balik harta-harta dan perniagaan yang mereka laburkan. Jadi, adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa skim itu juga boleh dimasukkan di dalam skim amanah harta ini? Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Kamal bin Salleh: Terima kasih, Yang Berhormat dari Yan. Saya amat bersetuju dengan cadangan ini kerana dalam tahun kemelesetan 1985/86, inilah caranya kita mengatasi masalah pada waktu itu. Pada waktu itu bank-bank tidak mempunyai masalah dari segi modal mereka tetapi oleh kerana keadaan ekonomi meleset maka menimbulkan masalah pembayaran hutang tersebut, maka dilaksanakan TPU. Saya ingat ditambahkan pada provision itu kalau boleh dimasukkan tidak dalam undang-undang ini tetapi dalam prosedur dan juga dari segi 'business plan' Danaharta ini bahawa syarat-syarat TPU dan 'guide line' itu digunakan juga dalam 'scheme of arrangement' bagi Danaharta ini.

Saya hendak tambah daripada itu, mungkin dalam hal ini mereka-mereka ini diberikan 'the first right of refusal' untuk Danaharta itu sendiri apabila dia menyusun semula NPL, mengkaji, mengurus aset tersebut dan meningkatkan balik nilainya, tambah pula dengan kenaikan ekonomi semula, bangun bertumbuh, maka nilai aset itu akan naik lebih daripada nilai apabila bank menjualnya kepada Danaharta. Oleh yang demikian, segala penat lelahnya itu sudah pun dipindahkan tetapi hasil manfaat daripada pemulihan ekonomi semula, sekarang ini diambil alih oleh pihak lain. Inilah perkara yang dibangkitkan oleh kita di dalam UMPG di mana penjualan itu jika dijual kepada third party ada provision untuk dijual kepada third party supaya Danaharta dapat membiayai semula bonnya dan mendapat keuntungan supaya dapat meluluskan perniagaannya. Maka mereka ini akan menjejaskan 'the issue of fire sales' dengan izin, jadi ini kalau kita buat sebagai 'provision the first right of refusal'

mestilah kepada syarikat-syarikat pemiutang yang terjejas itu maka akan dapat mempertahankan agenda bumiputera ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengakhiri dengan mengatakan soal yang kita hadapi sekarang ini sangat besar, isu-isunya sungguh rumit tetapi kita tidak unik di dalam hal ini. Bahawa perkara-perkara yang berkaitan dengan masalah penyelamatan dan pemulihan ekonomi ini terutama sekali apabila tiba 'banking crisis' seperti yang kita hadapi sekarang ini. Negara-negara begitu banyak yang mengambil cara dan langkah yang diajukan oleh kerajaan ini.

Saya mengucapkan syabas kepada pihak kementerian atas usaha ini kerana ianya tepat pada masanya. Malah saya akan mengatakan apa yang silap hanyalah kalaulah undang-undang ini telah dibuat 6 bulan yang lepas, dalam sidang tahun lepas maka mungkin kita dapat melaksanakan Danaharta itu dengan secepat mungkin. Tetapi masa belum lagi kehabisan, maka kita harap akan mendapat sokongan semua pihak termasuk pembangkang dalam soal ini. Sekian, saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Tanjong
4.05 ptg.

Tuan Lim Kit Siang [Tanjong]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kita pihak pembangkang memang rela untuk menyokong apa-apa usaha dan tindakan yang diambil oleh pihak kerajaan untuk menangani krisis ekonomi. Tetapi kita tidak akan memberi sokongan putar-belit tanpa pengetahuan dan tanpa peluang untuk mengkaji dan meneliti cadangan-cadangan dan sebab itu semalam kesemua parti-parti pembangkang di Parlimen iaitu DAP, PAS dan PBS telah mencipta sejarah dalam - 40 tahun sejarah Parlimen Malaysia.

Dengan memulaukan perbahasan ke atas satu rang undang-undang yang penting kerana para ahli Parlimen tidak kira ahli Parlimen dari pihak parti pembangkang ataupun ahli Parlimen pihak kerajaan, semuanya tidak diberi masa yang cukup untuk mengkaji peruntukan-peruntukan perundangan yang

dicadangkan itu atau mendapatkan komen dan input dari pakar-pakar dalam bidang-bidang yang berkenaan. Sungguhpun hari ini saya mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Pengurusan Danaharta Nasional Berhad tetapi saya ingin menjelaskan di sini bahawa penglibatan saya hari ini adalah di bawah protes – mengambil perbahasan di bawah protes. Kerana tindakan kerajaan sungguhpun tidak adil sekali

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Yan bangun.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, boleh.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih, Yang Berhormat Tanjong. Saya tidak faham kalau Yang Berhormat kata pembangkang mahu memulau dan Yang Berhormat bangun hari ini atas protes, adakah ini double standard, kalau kita pulau, pulaulah. Hari ini tunggu apa lagi dalam Dewan Rakyat, Yang Berhormat boleh keluar.

Dalam keadaan masa hari ini, bila keadaan orang hendak mati Yang Berhormat, kemudian Yang Berhormat hendak tunggu kita kaji dahulu ataupun immediately kita hendak buat operation untuk menyelamatkan orang itu, adakah kita - orang itu sudah hendak mati kita hendak tunggu dulu – kita hendak panggil board meeting ke, kita hendak panggil doktor pakar berunding ataupun terus kita buat operation untuk menyelesaikan masalah untuk menyelamatkan nyawa dia. Jadi, which is priority Yang Berhormat, saya minta dari Tanjong, terima kasih?

Tuan Lim Kit Siang: Tidak perlu saya buang masa untuk jawab ...

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Ini.....

Tuan Lim Kit Siang: Tidak payah saya buang masa untuk jawab satu ..

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Ini, bukan buang masa, kerana kalau Yang Berhormat sendiri pun tidak dapat kawal DAP dah hari ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat ..

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: DAP pun dah kelam kabut dah.

Tuan Lim Kit Siang: Suruh dia pergi cari Corpse lah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat ..

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Kok lah, KO hah.

Tuan Lim Kit Siang: Tak payahlah, you pergi dengar

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Maknanya Yang Berhormat tidak ada integrity lagi di dalam memimpin DAP, sepatutnya

Tuan Lim Kit Siang:dengar hujah-hujah saya.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Tidak boleh memimpin opposition hari ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, cukup Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Malulah...

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Bukan cukup, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Tidak, Yang Berhormat ...

Tuan Lim Kit Siang: Arau pun tidak boleh menang, malulah, malu ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat ..

Tuan Lim Kit Siang: Arau pun hilang ...

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Sekarang orang mahu hentam dia, mahu tunggu lagi. Mahu jadi tauke dalam satu parti yang tidak ada solid.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, jangan terpesong.

Tuan Lim Kit Siang: dia pun hilang kerusi.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Itu lain cerita, ini DAP sendiri – lubang sudah kena korek.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat berhak tidak layan ataupun tidak mahu jawab tetapi Yang Berhormat jangan terpesong, balik kepada tajuk.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, kalau inilah perangai atau sikap ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional – bukan sahaja Arau habis, Yan pun akan habis.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Hei, Tanjong berapa kali you try – tak dapat, apa mahu bising. You cuba sekarang ini bertanding di Yan. Saya cabar Yang Berhormat bertanding di Yan pada pilihan raya akan datang. Kalau berani, kalau tidak you potong you punya...

[Ahli-ahli Dewan ketawa]

Tuan Lim Kit Siang: Potong apa, Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Balik kepada tajuk.

Tuan Lim Kit Siang: Potong apa itu?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Itu Yang Berhormat kena soal dia.

Tuan Lim Kit Siang: Oh, kena soal dia, itulah standard ...

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: You boleh potong apa pun, potong tangan boleh, potong lidah boleh.

Tuan Lim Kit Siang: itulah mutu ahli Parlimen Barisan Nasional, ada krisis keyakinan, ada krisis kewangan - potong-potong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, sebelum Yang Berhormat Tanjong teruskan, ingin saya ingatkan Yang Berhormat semua, ini satu rang undang-undang yang cukup mustahak, sama ada mana-mana pihak yang hendak memulau ataupun tidak memulau, kalau hendak berucap, berucaplah secara serius dan janganlah cakap yang terpesong, yang bukan-bukan. Saya rasa itu saya tidak akan layan dan tidak akan benarkan.

Tuan Lim Kit Siang: Kita di sini cakap dengan serius dan dengan serius kita memulaukan perbahasan semalam oleh kerana kerajaan tidak serius, tidak

serius dengan masalah yang dihadapi oleh rakyat dan oleh kerana kita serius, sungguhpun kita tidak berpuas hati dengan cara – tanpa cukup notis, kita datang hari ini untuk bahas under protest - under protest oleh kerana kita tahu ini mustahak. Sungguhpun kita tidak dapat persediaan yang secukupnya kita mahu ambil bahagian tetapi bukan oleh kerana hendak cakap yang tidak kena mengena.

Tuan Noh bin Omar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Tanjong Karang bangun, hendak bagi jalan.

Tuan Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Minta penjelasan

Tuan Lim Kit Siang: Potong sini, potong sana - Tanjong Karang pun akan hilang kerusi - tak apa.

Tuan Noh bin Omar: Potonglah, potong yang mana-mana potonglah.

Tuan Lim Kit Siang: Hah, lagi... saya tidak beri jalan – dia terus cakap, dia tidak hormat peraturan mesyuarat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Teruskan.

Tuan Lim Kit Siang: Sungguhpun hari ini ...

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: *[Bangun]*

Tuan Lim Kit Siang: Nanti, habis paragraph ini dulu. Sungguhpun hari ini saya mengambil bahagian dalam perbincangan Rang Undang-undang Pengurusan Danaharta Berhad, tetapi saya ingin menjelaskan di sini bahawa penglibatan saya hari ini adalah dibawah bantahan kerana

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: *[Bangun]*

Tuan Lim Kit Siang: Belum habis paragraph ini.kerana tindakan kerajaan sungguh tidak adil sekali di mana masa yang secukupnya tidak diberikan kepada para ahli Parlimen untuk mengkaji rang undang-undang yang begitu penting ini secara sebaik-baiknya dan cara Rang Undang-undang Pengurusan Danaharta Berhad diluluskan secara bergopoh-gapah tidak harus

berlaku. Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri memberikan alasan
....

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: *[Bangun]*

Tuan Lim Kit Siang: Nanti, bahagian ini habis boleh beri jalan. Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri memberikan alasan bahawa oleh sebab negara kita memerlukan pemulihan ekonomi yang pantas maka rang undang-undang ini perlu dibentang dan diperbahaskan dengan segera. Saya sedia menerima alasan bahawa rang undang-undang yang dibentangkan semasa negara menghadapi krisis ekonomi ini bukannya satu rang undang-undang yang biasa. Maka itu, Parlimen harus mengambil perhatian mengenai betapa penting dan perlunya memulihkan ekonomi nasional. Bagaimanapun, ini tidak dapat menjelaskan mengapa perbahasan rang undang-undang ini tidak boleh ditangguhkan ke minggu terakhir Mesyuarat Julai ini.

Sekiranya Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri terpaksa ke luar negeri tidak berapa lama lagi. Antara tugasnya ialah mengadakan mesyuarat khas dengan Bank Dunia untuk membincangkan isu pinjaman kepada Malaysia iaitu mengadakan perbahasan pada dua hari terakhir iaitu pada 29 dan 30 haribulan Julai. Peraturan sebegini tidak akan melambatkan penubuhan Syarikat Pengurusan Danaharta Berhad kerana rang undang-undang ini tidak akan menjadi undang-undang selagi ianya belum diluluskan oleh Dewan Negara yang hanya akan bermesyuarat pada 3 haribulan hingga ke 13 haribulan Ogos dan selepas itu perlu diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong dan diwartakan menjadi undang-undang baru dan nampaknya Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan akan bertanggungjawab untuk menggulung.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Parit Sulong bangun.

Tuan Lim Kit Siang: Nanti, nanti saya habiskan bahagian ini dahulu dan nampaknya Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan akan menggulung. Kalau begitu, oleh kerana Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan mahu sendiri datang untuk menggulung, kita faham – sekarang mungkin jadualnya tidak membenarkan beliau berbuat begitu, kita pun boleh faham tetapi kalau begitu lebih ada sebab kenapa perbahasan ini patutlah di ‘defer’ supaya lebih orang rakyat Malaysia khususnya mereka pakar-pakar memberi prihatin di dalam bidang-bidang tertentu boleh memberi pandangan.

Dato' Dr. Affudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Ketua Pembangkang. Draf rang undang-undang ini telah diberikan kepada Yang Berhormat Ketua Pembangkang, Yang Berhormat Marang dan tiga lagi ketua-ketua di dalam Dewan ini pada hari Sabtu yang lalu. Apakah masa empat hari tidak mencukupi Yang Berhormat kerana pada pendapat saya rang undang-undang ini merangkumi perkara yang sudah ada prosedurnya khususnya di Amerika Syarikat yang mana dengan kecanggihan teknologi yang Yang Berhormat sendiri menguasainya melalui internet dan lain-lain lagi. Perkara rang undang-undang ini didapati tidak perlu menunggu persidangan pakar-pakar yang mengambil masa sehingga seminggu, dalam masa dua hari pun boleh dikaji oleh pakar-pakar yang Yang Berhormat ‘commission’kan. Mereka dapat memberi pandang-pandang mereka yang substaintif. Jadi apakah empat hari tidak cukup kerana perkara ini telah pun wujud di Amerika Syarikat khususnya dan di Mexico.

Tuan Lim Kit Siang: Kita bukan menyebut mengenai empat hari, masalah ialah mahu memulakan perbahasan hari Selasa dan saya ucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri oleh kerana menyampaikan satu salinan draf itu kepada saya, kepada pejabat saya pada hari Sabtu dan saya di negeri Pulau Pinang dan saya tidak terima, begitu tebal [*Disampuk*] itu bukan soalan, soalan ialah semua Ahli Parlimen sebelum berdiri untuk membahas [*Disampuk*] perlu fasih dan tahu apa yang ada di dalam peruntukan-peruntukan ini.

Tuan Ruhanie bin Ahmad [Parit Sulong]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Nanti dulu Yang Berhormat, Parit Sulong bangun.

Tuan Lim Kit Siang: Nanti, saya akan beri jalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Tetapi sebelum itu Yang Berhormat Yan janganlah bercakap tanpa izin, Yang Berhormat.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, saya minta dia tidak beri. Dia tidak faham apa yang dia cakap.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, boleh bangun minta laluan sama ada dia layan atau tidak berikan itu hak dia.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Dia kalut pasal anak dia, dia dok kacau bil ini, mana boleh macam itu. Terima kasih, minta maaf Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lim Kit Siang: Saya tidak mahu buang masa ke atas Yan. Apa yang Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan kata oleh kerana ada rang undang-undang di United States, negara yang canggih teknologi dalam bidang kewangan kita tidak perlulah, terima sahajalah kita copy-cat United States. Tetapi selalu di dalam surat khabar ucapan-ucapan televisyen, radio kita dengar, kita tidak mahu jadi puppet, imprealisme Barat sekarang satu hujah-hujah ialah ada akta ini di Amerika Syarikat tidak payahlah kita ada masa untuk kaji, faham kita terima 100%, apa ini mentaliti dan kebudayaan.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, bukan saya maksudkan kita menjadi copy-cat kepada rang undang-undang di United States, apa yang saya maksud ialah asas falsafah itu ada, apakah kita perlu mengambil sampai satu minggu untuk mengadaptasikan falsafah dan niat rang undang-undang itu kepada budaya kita? Perlukah kita mengambil masa satu minggu? Yang Berhormat mempunyai banyak pakar di Universiti Malaya, Jomorlah, itulah, inilah, gunakan pakar Yang Berhormat tidak perlu kerana apa yang dicakapkan oleh Wangsa Maju, Balik Pulau dan Tambun semalam merupakan satu perbahasan yang mendalam. Kalau mereka boleh bercakap begitu mengapa pakar Yang Berhormat dari Universiti Malaya, UKM dan lain-lain lagi tidak boleh memberi input itu kepada Yang Berhormat. Walaupun Yang Berhormat sendiri tidak faham [*Tepuk*].

Tuan Lim Kit Siang: Itu satu poor argument, apa yang kita perlu ialah untuk semua bukan sahaja perkara ini, yang pertama berapa lama pihak kerajaan ambil masa untuk menggubalkan undang-undang ini, ada dua hari, oleh kerana United States ada dua hari, cukuplah. Kenapa mengambil masa yang begitu panjang, dua hari cukup....

Tuan Ruhanie bin Ahmad: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Parit Sulong bangun.

Tuan Lim Kit Siang: Nanti, argument ini belum habis, bagi argument habis dahulu. Ini adalah mustahak supaya kita tidak mahu ini menjadi satu praktis, kita mahu awal tahun lalu, 1996 [*Disampuk*] nanti, line argument ini, tahun 1996 adakah ingat lagi masa itu ada persidangan khas Parlimen untuk Rang Undang-undang Pendidikan tetapi hari yang pertama perlulah ditangguhkan oleh kerana tidak siap di mana rang undang-undang boleh diteliti oleh Ahli-ahli Parlimen, selepas itu Kabinet ada membuat satu keputusan bahawa semua rang undang-undang sekurang-kurangnya perlu diberi kepada Ahli-ahli Parlimen sekurang-kurangnya dua minggu. Adakah benar?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Timbalan Menteri bangun.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya berhujah dengan beliau, beliau tidak berhak memberi judgement adakah saya punya hujah 'poor' ataupun 'bad', berilah orang ketiga, ini Yang Berhormat hendak menjadi polis, hendak menjadi pengadil, hendak menjadi semua, jadi persoalan ini Yang Berhormat bandingkan dengan Rang Undang-undang Pendidikan tahun 1996 dahulu, itu adalah berlainan. Rang undang-undang ini adalah merupakan satu perundangan untuk memberi perundangan kepada proses yang simple iaitu mengalihkan beban daripada bank kepada satu syarikat yang ditubuh khas. Apa kena mengena dengan soal asas? Macam Rang undang-undang Pendidikan yang kita bahas dahulu yang Yang Berhormat kata, itu adalah datang dari idea yang original, daripada negara kita yang mempunyai falsafah pendidikannya sendiri. Ini perkara hendak menubuhkan sebuah syarikat untuk mengambil alih NPL dari bank dan implikasi perundangannya sahaja yang perlu diubahsuai ataupun diadaptasikan. Apakah masalahnya yang hendak ambil masa sampai lebih dari dua minggu?

Tuan Lim Kit Siang: Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan mengelak daripada menjawab sama ada ada satu keputusan yang dibuat oleh kabinet pada Februari 1996 bahawa supaya menghormati hak-hak semua Ahli Parlimen, memberi masa sekurang-kurangnya dua minggu untuk meneliti semua rang undang-undang dan mengapa keputusan Kabinet itu dicabuli?

Yang kedua Yang Berhormat Timbalan Menteri kata, ini satu rang undang-undang yang simple tidak perlu masa yang panjang. Tadi Yang Berhormat dari Wangsa Maju dia kata patutlah rang undang-undang ini dibuat enam bulan dahulu, ini krisis ekonomi lebih dari satu tahun. Mengapa baru

Tuan Ruhanie bin Ahmad: Penjelasan, sudah lama tunggu.....

Tuan Lim Kit Siang:mungkin satu jam, tunggu.....

Tuan Ruhanie bin Ahmad: Jangan main-main. Cepat sikit beri....

Tuan Lim Kit Siang: Tidak ada main-main, bila track the argument ini habis, saya beri jalan dan kalaulah proses ini yang begitu simple [*Disampuk*]

Tuan Ruhanie bin Ahmad: Minta penjelasan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat nanti dahulu dia tidak beri jalan.

Tuan Lim Kit Siang: Nanti, kalau track of argument belum habis dan kalau isu ini begitu simple mengapa semacam Yang Berhormat dari Wangsa Maju kata patutlah perkara ini dikemukakan di Parlimen enam bulan dahulu. Simple copy sahaja mengapa kita tunggu begitu lama? Tunjuk perkara bukan begitu simple, begitu kompleks dan bukan oleh kerana [*Disampuk*] nanti..... dan bukan oleh kerana di lain-lain negara ada perundangan semacam ini kita boleh terima 100% tidak payah kita kaji perjalanannya sama ada ada masalah yang timbul, sebab itulah kita bukan sahaja negara-negara Barat yang pertama kita tidak mahu copy-cat. Kita perlu ada independent judgement sendiri dan kalau [*Disampuk*] belum habis, kalau kita mahu independent judgement sendiri kita perlu masa sekurang-kurangnya satu minggu. Dan bukan oleh kerana kita lewat perbahasan satu minggu kita akan merosakkan penubuhan Pengurusan Danaharta ini, tidak, saya ada sebut tadi, mahu tunggu Dewan Negara bersidang, mengapa? Oleh kerana tidak ada preplanning yang baik, poor preplanning mengenai Parliamentary time, itulah masalah.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak memberi satu analogy kepada Yang Berhormat Ketua Pembangkang. Seperti mana yang disebutkan oleh Ahli dari Yan tadi, sebelum sesuatu operation kepada seorang pesakit selalunya ada check-list, itu normal praktis, tetapi jikalau seorang itu menemui kecelakaan (accident) misalannya, kalau disorong masuk ke Intensif Care Unit (ICU) untuk dioperasikan, apakah kita hendak tunggu sampai empat hari untuk operasi dia, padahal nyawa dia itu bergantung kepada tindakan yang cepat dan Yang Berhormat sedia maklum bahawa Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan akan pergi ke Washington pagi esok, pukul 9.00. Jadi jikalau beliau membawa ke Washington satu rang undang-undang yang telah dilulus oleh Dewan Rakyat, Yang Berhormat pun tahu bahawa ini merupakan satu competitive edge baginya untuk menjalankan usaha di dalam menjualkan bon-bon di sana. Jadi Yang Berhormat tentu tahu tentang strategi ini, jadi kalau Yang Berhormat hendak tunggu sampai satu minggu pekara yang simple ini diperbahaskan maka macam itulah kalau dia sudah sakit, kedudukan ekonomi sudah sakit kita hendak menunggu semua check-list dijalankan. Dan Yang Berhormat dari Wangsa Maju maksudkan enam bulan dahulu kalau dibuat lebih baik itu adalah satu pandangan yang baik tetapi dengan izin, 'is better a little big late than never', enam bulan tidak lama Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan sebenarnya mahu membandingkan ekonomi Malaysia sebagai pesakit di ICU sekarang, kalau esok habis nyawanya hari ini perlulah tindakan segera ICU. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan sebenar-benarnya memberi perbandingan itu? Dan sebab itu hari ini sebagai pakar-pakar ekonomi atau pakar-pakar consultant yang mengoperasikan ICU ekonomi Malaysia hari ini kita perlu buat keputusan yang segera....

Tuan Ruhanie bin Ahmad: [*Bangun*]

Tuan Lim Kit Siang: Track argument ini belum habis, nanti dahulu.

Tuan Noh bin Omar: Hendak tunggu 'KOKS' habiskah baru hendak berhenti bercakap.

Tuan Ruhanie bin Ahmad: Saya hendak protes, mengapa dia dapat bercakap hari ini. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak memberitahu Dewan.....

Seorang ahli: Jangan buang masa!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, saya hendak nasihatkan Yang Berhormat yang berkenaan jangan terbawa-bawa dengan emosi masing-masing.

Tuan Ruhanie bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, ini bukan masalah emosi, saya hendak menjelaskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat saya sedang bercakap. Yang Berhormat Tanjong diingatkan bahawa saya dengar apa yang Yang Berhormat bangkitkan tadi sudah sampai sepuluh minit tetapi nampaknya masih berkisar kepada satu point sahaja iaitu.....

Tuan Noh bin Omar: Yang Berhormat Tanjong, tidak mahu cakap, duduklah, beri orang lain cakaplah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Saya hendak menasihati Yang Berhormat walaupun protes telah pun Yang Berhormat huraikan elok Yang Berhormat balik kepada tajuk.

Tuan Lim Kit Siang: Ini argument yang mustahak mengenai isu di hadapan kita. Adakah ekonomi di negara kita sebagai satu pesakit dalam ICU? Kalau tidak selamat hari ini, habis nyawa. Jawab. *[Ketawa]*

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil sebagai analogy, kita tidaklah sesakit macam orang-orang yang sakit, tetapi apakah salahnya jikalau kita memberi treatment sebagai seolah-olah ianya di bawah ICU. Jadi persoalannya itu sahaja Yang Berhormat hendak menjerat saya dalam satu istilah jadi Yang Berhormat masuklah kepada perkara substantif. Soalnya ialah apa yang saya katakan tadi, persoalannya Yang Berhormat tidak mengambil masa empat hari itu untuk memastikan bahawa Yang Berhormat menerima pendapat-pendapat dari panel pakar Yang Berhormat. Saya tahu di kalangan Ahli DAP di sini malah PAS pun tidak mengerti hal dari segi first hand. Yang Berhormat memerlukan kepakaran luar, the third person. Jadi empat hari cukup Yang Berhormat kerana yang saya katakan tadi sudah ada preceding, sudah ada akta-akta di negara lain yang boleh kita ambil sebagai tauladan atau pun contoh dan kita mengadaptasikannya di sini. Itu yang saya katakan, apa Yang Berhormat hendak main dengan itu.

Tuan Lim Kit Siang: Tapi saya tak terima itulah. Dan apa yang mustahak ialah kalau ekonomi kita bukan sebagai pesakit ICU kita beri over treatment ICU, pesakit itu boleh mati. *[Ketawa]* Ini bahaya.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: DAP sudah masuk ICU sekarang. Penjelasan. Bila-bila mahu mampuslah. Penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang: Saya belum habis.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: *[Bangun]*

Tuan Lim Kit Siang: Nanti saya bagi.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Apa nanti. Kami beri peluang bercakap. Minta peluang bercakap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Duduk semua.

Tuan Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Dia semalam kata dah boikot, boikotlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Tanjong. Yang Berhormat walaupun berhak tidak memberi jalan tetapi saya telah memberi masa begitu panjang untuk Yang Berhormat berhujah.

Seorang Ahli: Tolong gulung.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Tetapi nampaknya sudah 20 lebih minit, Yang Berhormat masih berkisar pada satu benda sahaja.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tidak ada maruah.

Tuan Lim Kit Siang: *[Menyampuk]*

Ramai Ahli: Suruh dia duduk sahaja.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Very ungentleman, tidak ada maruah, no integrity, KOKS.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Tengok PAS faham, mereka tidak bising, mereka duduk diam. DAP tidak fahamkah?

Ramai Ahli: KOKS.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Parit Sulong dan juga Yan, saya harap tertib Yang Berhormat.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, tertib. Kita yang beri peluang bercakap semalam. Saya hendak meminta penjelasan. Kalau ada maruah berilah.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Selagi dia tidak tertib, saya pun tidak boleh tertib.

Seorang Ahli: Tanjong tidak ada tertib.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat kalau tidak puas hati, tukarlah Peraturan Mesyuarat.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Saya bukan kata tidak puas hati. Saya kata - saya cakap dengan dia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat nanti, itu hak dia tak beri jalan. Tetapi Yang Berhormat Tanjong jangan ambil kesempatan ini.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tetapi saya katakan, pemimpin tidak ada maruah.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Orang Hokien kata 'Bunui'.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Yan, saya hendak beri kata dua Yang Berhormat. Jangan cuba gunakan bahasa, bukan Bahasa Kebangsaan, yang biasanya merupakan bahasa kesat.....

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: ... di dalam Dewan ini.

Ramai Ahli: Bahasa kesat. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Ini kali penghabisan Yang Berhormat.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Okey, begini Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua control kawan kita ini. Dia ini sudah celaru. Pasal mereka menghadapi masalah dalaman DAP. Kritikal ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Okey.

Tuan Lim Kit Siang: Boleh saya teruskan. Dan yang kedua, apa Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Parit Sulong minta jalan.

Tuan Lim Kit Siang: Nanti, saya belum habis. Saya kata habis ini saya akan beri.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Berapa lama hendak habis, melencong. Macam mana?

Tuan Lim Kit Siang: That is your problem.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Melencong. Macam mana.

Tuan Lim Kit Siang: Itu your problem.

Tuan Noh bin Omar: Bila hendak habis ni.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Barisan Nasional beri peluang DAP bercakap.

Tuan Lim Kit Siang: Tidak ada.

Ramai Ahli DAP: [*Sorak*] Malu. Tak boleh tunggukah.

Seorang Ahli: Anak diamlah.

Seorang Ahli: Okey. I mark your word.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Tanjong Karang bangun atas apa? Saya nampak Tanjong Karang bangun.

Tuan Noh bin Omar: Saya bangun hendak minta penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang: Saya tak beri.

Tuan Noh bin Omar: Dia tak mahu bagi. Cakap seoranglah. Cakap sama lu punya anak. Cakap seorang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Dia tidak beri Yang Berhormat duduk.

Tuan Lim Kit Siang: Ini mustahak. Oleh kerana directly melibatkan rang undang-undang ini. Yang Berhormat Timbalan Menteri kata saya tidak tahu bahawa Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri akan berlepas ke Washington esok dalam misinya untuk mendapat bon-bon supaya boleh mengoperasikan access management co-operation ialah Pengurusan Danaharta Nasional Berhad. Tetapi saya tidak boleh menerima hujah-hujah bahawa kalau hari ini kita boleh meluluskan rang undang-undang ini, ini akan memberi competitive edge. Tidak, kerana rang undang-undang ini belum diluluskan oleh Dewan Negara atau diberi royal assent dan saya tidak nampak apa-apa competitive edge di sana. Inilah satu handicap edge. Dan kalau ini mustahak sebelum Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri berlepas ke Washington bahawa rang undang-undang ini diluluskan, bincang dengan kita.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat hendak beri jalan.

Tuan Lim Kit Siang: Nanti. Trend ini belum habis. Saya habiskan ini dahulu.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Dia ada domestic problemlah.

Tuan Lim Kit Siang: Let me finish this part of it. Okay. Dan bincang dengan pihak kita. Dan kita tentu boleh bekerjasama, beri masa yang cukup. Sebenarnya apa yang perlu buat, bukan sahaja Dewan Rakyat bermesyuarat hari ini, patut ada emergency meeting Dewan Negara bersama-sama joint session untuk menunjuk betapa serius kita menganggap perkara ini. Itulah cara supaya apabila Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pergi ke Washington

dia fully arm, disenjatakan dengan competitive edge yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi. Okay, Yang Berhormat Parit Sulong.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun tadi hanya untuk meletakkan dalam rekod bahawa walaupun DAP hari ini bangun secara protest, sebenarnya ada gentleman agreement semalam, di antara Back-benchers dengan DAP dengan blessing daripada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Kami pihak Barisan Nasional boleh menghabiskan perbincangan dan kami boleh extends waktu malam tadi untuk Yang Amat Berhormat menjawab segala persoalan yang dibangkitkan. Tetapi atas nama kepentingan negara biar dia dalam protest pun kita hendak dengar suara dia tetapi saya amat kesal oleh kerana peluang yang diberikan selama lebih kurang 25 minit tidak ada apa. Hanya angin yang kosong dan suara daripada tin kosong daripada DAP hari ini. Saya amat kesal.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Domestic trouble.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Saya hendak seluruh rakyat tahu bahawa kita memberi understanding secara gentleman semalam kepada pihak pembangkang supaya mereka hadir menyuarakan secara constructive terhadap perbincangan di atas bil ini. Itu sahaja nak suarakan. Terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang: Boleh. Tetapi apa yang kita ucap di sini bukanlah atas muka Yang Berhormat dari Parit Sulong. Pandangan kita, adalah pandangan kita. Kita dengan izin, owe nobody anything, we owe only the rakyat and the country of Malaysia.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: You owe - Wee Choo Keong.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Wangsa Maju bangun.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, okey.

Dato' Dr. Kamal bin Salleh: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjelas dan mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Tanjong, bila menyentuh ucapan saya tadi tentang - saya menyebut bahawa rang undang-undang ini harus sebaiknya dibuatkan pada 6 bulan sebelum ini. Bukan tujuan untuk mengatakan bahawa perkara ini satu kelemahan kepada apa yang dibuatkan oleh kerajaan malah rang undang-undang ini dalam proses sebenarnya untuk -

secara ordinary, bukan extra ordinary walaupun dalam keadaan kemelesetan, kita melalui proses yang sama. Pengumuman tentang projek ini sudah pun disebut beberapa bulan sebelum ini. Perbincangan di kalangan kita sendiri, di dalam Dewan ini, dalam kumpulan-kumpulan tertentu dan menyampaikannya kepada kerajaan. Kita buat.

Kalau DAP benar-benar minat tentang perkara ini maka itulah patut DAP buat. Tetapi dalam standard of debate yang selalu Ketua Pembangkang mengatakan ianya - DAP sahajalah monopolinya yang Backbenchers kita tidak mempunyai standard of debate. Sebenarnya dalam ucapan selama 25 minit tadi, pointnya hanya satu sahaja, pembangkang kata iaitu untuk prosedur mengapa tidak dipercepatkan atau dipertanggung masa untuk perbahasan. Tetapi dalam satu point itu ada 20 point.

Tiap-tiap kali ada protes, Ketua Pembangkang menganjukkan isunya. Ini debating style, saya faham. Tetapi dari segi isu substantive, jangan diputarbelitkan. Jadi, dalam soal saya berkata 6 bulan itu patut dilaksanakan rang undang-undang ini dibentangkan. Sebenarnya saya maksudkan the urgency, bukan dari segi kelemahan proses membentuk undang-undang tersebut.

Tuan Lim Kit Siang: Saya faham. Apabila ada, dengan izin, political exigency, arcade division can also shake and worry. Okaylah.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berkata semalam bahawa dalam wawancaranya dengan RTM 'Bersama Perdana Menteri' bahawa usaha kerajaan dalam menangani ketidaktentuan ekonomi hanya akan berkesan sekiranya majoriti rakyat memberikan sokongan sepenuh mereka.

Pilihanraya kecil Arau yang baru selesai di Perlis di mana PAS menang di kubu kuat UMNO sejak tahun 1955 bukan sahaja menghapuskan sebanyak 6,889

undi dalam Pilihanraya Umum April 1995, tetapi mendapat majoriti baharu sebanyak 1,323 undi . Dengan kata-kata lain, perubahan sejumlah

8,212 undi dengan kesan seakan-akan gempa bumi politik yang berskala, Richter 5, harus diambil perhatian yang serius oleh Kerajaan Barisan Nasional bahawa setahun selepas tercetusnya krisis ekonomi di negara ini bukan sahaja keyakinan tidak dapat dipulihkan malah sebaliknya telah berlaku di mana keyakinan telah dengan seriusnya terhakis.

Sebenarnya oleh sebab merasakan bahawa sebarang usaha kerajaan untuk menangani krisis ekonomi perlu mendapatkan sokongan dari rakyat jelata maka para Ahli Parlimen dari parti pembangkang telah meminta supaya diberi masa yang secukupnya untuk para Ahli Parlimen mengkaji dan membahas Rang Undang-Undang Pengurusan Danaharta Berhad ini supaya setiap dari kita dapat memberikan sokongan di samping memastikan bahawa kekuatiran tentang rang undang-undang ini akan membolehkan penubuhan satu badan penyelamat kerajaan yang bertujuan menyelamatkan dan bukan menimbulkan satu badan penyelamat kerajaan yang bertujuan menyelamatkan kroni-kroni serta syarikat-syarikat dan individu-individu terpilih dengan menggunakan wang orang ramai akan dapat diredakan.

Kini telah genap satu tahun negara kita menghadapi krisis ekonomi yang paling buruk dalam sejarah kita. Malam semalam Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berkata dalam wawancara TVnya, bahawa adalah sukar untuk meramalkan sama ada ekonomi kita telah jatuh ke tahap terendah manakala dalam wawancaranya dengan *Far Eastern Economic Review*, beliau berkata dengan izin, “It will take a long, long time”. Ini memang jauh berbeza dari ramalan optimisnya enam bulan yang lepas di mana beliau telah muncul dalam Rancangan Malaysia Hari Ini di mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berkata ekonomi akan pulih seawal-awalnya dalam tempoh enam bulan dan Yang Berhormat Menteri Pengangkutan yang nampaknya lebih optimistik

dengan meramalkan pada bulan April tahun ini bahawa ekonomi boleh dipulihkan dalam masa tiga bulan. Keadaan sebenarnya adalah lebih buruk dari yang disangkakan. Dalam kenyataan kementerianya pada hari Isnin Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dipaksa mengakui bahawa pertumbuhan KDNK Malaysia akan mengecut 1% hingga 2% dan bahawa Malaysia akan memasuki zaman kemelesetan, sungguhpun beliau sengaja mengelakkan dari perkataan ini.

Dalam bulan Januari ini, pandangan umum adalah bahawa ekonomi Malaysia akan memerlukan dua hingga tiga tahun sebelum mula pilih tetapi kini rangka masa yang diperlukan nampaknya telah dipanjangkan keempat, kelima tahun sebelum ada kepulihan ekonomi. Anggaran terbaru Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri mengenai pertumbuhan negatif KDNK sebanyak 1% hingga 2% ini sebenarnya masih dilihat sebagai agak optimistik.

Pada awal bulan Mei tahun ini Institute International Finance (IIF), satu persatuan sedunia, institut kewangan yang mempunyai 280 ahli dan yang bertapak di Zurich, Switzerland telah mengeluarkan amaran bahawa Indonesia akan mengalami pengecutan atau contraction KDNK sebenar setinggi 2.5% hingga 15%, negeri Thailand - 7%, Korea Selatan - 5% dan Malaysia - 2%.

Dalam satu kenyataan yang bertarikh 11 Mei 1998 saya telah meminta Kerajaan Malaysia supaya menjawab kepada ramalan IIF itu, tetapi kerajaan telah mengambil masa dua bulan sebelum menjawab kepada Dewan ini bahawa adalah benar ramalan terbarunya mengenai pertumbuhan KDNK tahun ini adalah contraction 1% hingga 2%.

Sementara itu, para ahli ekonomi dan penganalisa kewangan telah pun bersedia menghadapi satu gambaran yang lebih malap di mana ada di antara mereka yang meramalkan pertumbuhan KDNK - 4% sehingga -5% untuk Malaysia tahun ini. Adalah sungguh malang sekali bahawa dalam tempoh satu tahun krisis ekonomi paling buruk di dalam sejarah negara kita ini, kerajaan telah

gagal mendengar dan mengakui nasihat-nasihat yang diberikan oleh ramai rakyat Malaysia sama ada dalam mahupun di luar Parlimen bahawa kerajaan harus melepasi sindrom penafian atau denial syndrome dan menyenaraikan usaha pemulihan keyakinan rakyat secara para pelabur di dalam dan di luar negeri atas agenda utamanya.

Sebagai contohnya, bekas Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Musa Hitam dalam satu syarahan awamnya yang bertajuk *Facing The New Millennium Challenges And Opportunities* di Johor Bahru dalam bulan Mei telah menekankan pentingnya seluruh negara kita menerima realiti krisis ekonomi, tidak kira betapa pahit rasanya dan meneruskan kerja-kerja pemulihan dengan input-input dan idea-idea yang baharu dan segar.

Antara realiti yang dimaksudkannya adalah fakta bahawa ekonomi negara memang dalam keadaan yang buruk dan akan menjadi lebih buruk lagi dan bahawa keadaan ini akan mengancam kedaulatan dan perpaduan kestabilan politik serta keharmonian kaum sekiranya negara kita gagal pulih dalam masa yang singkat.

Tan Sri Musa Hitam juga menyeru supaya diwujudkan lebih kredibiliti, akauntabiliti dan ketelusan untuk memupuk keyakinan di kalangan masyarakat perniagaan yang mahupun persaingan secara terbuka dan adil. Beliau juga menyebut mengenai betapa perlunya Malaysia menyediakan diri untuk melakukan reformasi dan penghapusan langkah-langkah perlindungan dalam bidang-bidang perbankan, kewangan dan perdagangan.

Adalah sungguh malang sekali bahawa seruan-seruan serupa yang mahu melihat wujud reformasi politik, ekonomi serta kewangan yang meluas ini, yang dikeluarkan oleh rakyat Malaysia yang prihatin sama ada dalam mahupun di luar Parlimen dalam seluruh tahun yang lepas, negara menghadapi krisis ekonomi ini telah tidak diendahkan. Seseengah pengumuman yang dilaungkan oleh pemimpin-pemimpin kerajaan tertinggi hanya memperkukuhkan anggapan

bahawa mereka ini tidak lagi mahu menerima realiti krisis ekonomi, tidak kira betapa pahit dan memulakan tugas pemulihan dengan input-input serta idea-idea baru dan segar.

Dalam bulan-bulan yang lepas, dua tema yang sering diulangi dalam ucapan-ucapan serta wawancara Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adalah:

- (i) menafikan bahawa ekonomi negara telah dilemahkan oleh kesan-kesan kronisme dan nepotisme yang meluas; dan
- (ii) bahawa masalah ekonomi Malaysia 100% disebabkan oleh spekulator mata wang asing dan para pengusaha hedge fund dan oleh sebab itu tidak perlu dilakukannya sebarang perubahan dan pembaharuan dalaman.

Adalah jelas bahawa selepas melangkah satu tahun dalam krisis ekonomi paling buruk yang dihadapi oleh negara kita, kerajaan nampaknya masih jauh ketinggalan dalam tugas utamanya ialah memulihkan keyakinan dan ini menghalang sebarang usaha memulihkan ekonomi serta tidak menampakkan kejayaan dalam usaha Yang Berhormat Menteri Kewangan dan Menteri dengan Tugas-tugas Khas yang baharu yang bakal keluar negeri mendapatkan pinjaman antarabangsa sebagai sebahagian dari usaha untuk mendapatkan RM25 bilion bagi tabung menubuhkan syarikat Pengurusan Danaharta Berhad atau lain-lain tabung berbilion-bilion ringgit.

Kerajaan masih terus mengeluarkan signal yang kabur dan mengelirukan kepada rakyat dan para pelabur, khususnya mengenai perlantikan Pengarah Eksekutif MTEN, Tun Daim bin Haji Zainuddin ke dalam Kabinet baru-baru ini, satu tindakan yang menyebabkan orang ramai menganggap bahawa kini Malaysia mempunyai dua orang Menteri Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam ucapan beliau semalam, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri adalah menekankan mengenai betapa pentingnya untuk mendapat keyakinan orang ramai terhadap Pengurusan

Danaharta Nasional Berhad dan memastikan bahawa adalah akauntabiliti dan transparency, tetapi bagaimana orang ramai boleh ada keyakinan kepada sama ada Pengurusan Danaharta Nasional Berhad atau badan-badan agensi-agensi kerajaan yang lain kalau di negara kita tidak ada satu sistem national integrity yang matang, satu national integrity system yang dipercayai. Sebagai contohnya, bagaimana Pengarah Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara boleh mengambil kedudukan sebagai ahli jemaah yang baharu, apabila beliau belum divest daripada segala perniagaan yang beliau ada melibatkan diri sama ada sebagai Pengerusi Hock Hua Bank atau apa-apa semua business yang lain, oleh kerana ini akan berlaku satu conflict of interest yang sangat serius.

Pada 25 Jun apabila ditanya oleh pemberita mengenai perkara ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kata bahawa Tun Daim perlulah divest semua business interest termasuk pemilikan Hock Hua Bank tetapi beliau kata, dengan izin, "It will take a little bit of time for him to make these arrangements", apalah ini 'little bit of time'? Adakah ini satu minggu, satu bulan, enam bulan, satu tahun dan adakah semua business interest sudah didivested mengenai menteri yang baharu dan kalau menteri yang baharu perlu 'a little bit of time' sebelum boleh diversion segala interest tentulah beliau patut diberi 'a little bit of time' sebelum beliau ambil alih tugas Kabinet yang baharu dan ini melibatkan satu conflict of interest yang serius, sebenarnya melanggar Anti Corruption Act yang Dewan ini meluluskan dalam tahun lalu dan saya mahu tanya sama ada Anti Corruption Act adalah memulakan penyiasatan mengenai conflict of interest ini. Ini satu test Anti Corruption Act sama Anti Corruption Agency sama ada di bawah Anti Corruption Act adalah berwibawa untuk tindakan.

Dalam dua hari dahulu Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ada memberitahu Dewan yang mulia ini bahawa Non-Performing Loans (NPL) adalah sebagai satu asas net sudah naik kepada 8.5% pada akhir bulan Mei 1998 apabila dibandingkan dengan 4.7% akhir tahun 1997 dan kalau keadaan

berterusan di mana satu worst case scenario materialises apa yang perlu untuk projected recapitalisation ialah dalam backing system untuk tahun 1998 dan tahun 1999 ialah RM16 bilion supaya boleh kekalkan Risk Weighted Capital Ratio (RWCR) 9%, tambahan yang diberitahu bahawa Pengurusan Danaharta Nasional Berhad akan memerlukan RM25 bilion untuk mengambil alih NPL daripada institusi-institusi kewangan.

Soalan pertama ialah, sama ada angka-angka ini realistik, sekarang kita boleh lihat semua institusi kewangan dengan izin, struggle, untuk menghadapi turmoil kewangan sekarang di mana satu isu, satu worry yang utama ialah mengenai perlu recapitalisation dalam satu, dengan izin, environment of shrinking liquidity, di mana bank-bank dan institusi-institusi kewangan menghadapi kerugian yang besar, di mana keuntungan jatuh besar dan NPL naik dengan cepat khususnya apabila kita melihat laporan-laporan bank-bank dalam first quarter tahun ini dan semua expectation ialah prestasi yang lebih buruk akan dilaporkan di masa depan dan mengikut projection oleh analysts sektor perbankan ini perlu satu capital injection antara RM15 bilion hingga RM20 bilion dan keadaan tidak akan bertambah baik, malah akan bertambah buruk dan adalah menjadi satu general expectation bahawa NPL akan mencapai kemuncak peak dalam 1999 dan projection untuk tahun depan ialah mungkin akan mencapai tahap 22% sehingga setinggi 37% dan dalam masa kemelesetan 80-an NPL ada peak di tahap 33% masa itu based on a twelve months rule for NPLs.

Dalam quarter yang pertama NPL yang terendah yang dilaporkan oleh Public Bank ialah 1.7% net of general and special provisions dan antara yang tertinggi ialah MBf Finance ialah 21% dan kerugian yang dalam sistem perbankan yang diunjurkan untuk tahun 1998 ialah setakat RM5.6 bilion dan mungkin atas sebab itu recapitalisation diperlukan ialah antara RM20 bilion.

Nampaknya ada dua cara untuk bank-bank menggunakan untuk recapitalisation:

- (i) melalui merger;
- (ii) buka untuk penyertaan orang asing.

Ada analysts bank-bank yang percaya bahawa solution yang feasible sahaja ialah untuk recapitalising bank-bank itu dengan participation orang asing dan securitisation untuk mengurangkan, dengan izin, on balance sheet assets, dalam keadaan sekarang khasnya kalau majoriti saham-saham pemegang-pemegang saham tidak ada resources untuk inject capital yang baharu. Tetapi nampaknya di Malaysia kita ada cara yang ketiga untuk recapitalisation bank-bank.

Semalam Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada menyebut mungkin tunjuk tanda adalah cara yang ketiga apabila beliau kata bahawa kerajaan boleh meminjam dan menggunakan tabung-tabung tempatan untuk tujuan recapitalisation bank-bank tempatan sebanyak RM16 bilion dan beliau kata bahawa di negara kita ada banyak savings sebagai contoh, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) adalah sumbangan atau contributions bulanan RM1.2 bilion, ini patutlah menjadi satu amaran, satu alarm, signal kepada 9 juta orang EPF contributors bahawa wang EPF (KWSP) sebanyak RM160 bilion nampaknya dalam bahaya, mungkin akan menjadi target sasaran untuk bailout operation oleh kerajaan.

Sebenarnya semenjak perlantikan

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Rompin bangun.

Tuan Lim Kit Siang: Okay.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya hendak minta penjelasan sedikit, saya sendiri pun dengar apa yang Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bercakap malam tadi, kita semua dengar, beliau tidak ada mengatakan bahawa wang EPF akan digunakan untuk bailout. Ini saya

rasa Yang Berhormat Ketua Pembangkang, tidak perlulah kita selewengkan apa yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri malam tadi. Tetapi, kalau misalannya bon dikeluarkan diberikan jaminan oleh kerajaan, wang siapa pun boleh diambil, sebab kerajaan sudah guarantee.

Saya tidak tahu apa yang ada dalam hati Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kalau itu saya sokong, mengapa tidak, Timbalan Menteri Kewangan ada ya, kalau dibeli bon kerajaan, EPF pun ada beli bon kerajaan bukan, ada atau tidak?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Ya, ada.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ada banyak, kaulah wang EPF tidak dilaburkan, ke mana hendak dilabur, mesti laburkan bon kerajaan, dijamin oleh kerajaan, mengapa tidak?

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan tetapi buat ucapan.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ini saya ingat mungkin kalau Yang Berhormat dari Kota Melaka mungkin boleh bantulah dalam isu, banyak pun macam ke arah supaya membantu Yang Berhormat sendiri.

Tuan Lim Kit Siang: Saya tidak tahu Ahli Yang Berhormat dari Rompin adalah bererti bahawa saya cakap bohong di sini. Tidak bukan?

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Menyampuk]*

Tuan Lim Kit Siang: Ya. Saya petik apa yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semalam, "We have quite a lot of savings, for example, the Employees' Provident Fund with monthly contributions of RM1.2 billion." It is quote dan quote ini bukan dalam wawancara semalam, dalam ucapan beliau kepada pemberita-pemberita selepas satu program opening somewhere, I cannot remember, so many openings, tetapi itulah apa yang Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kata.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Bangun]*

Tuan Lim Kit Siang: Nanti, nanti. Dan you make your point, okay? Dan sama ada EPF boleh digunakan untuk membeli bon-bon kerajaan, itulah Ahli Yang Berhormat dari Rompin, beli bon interest 4%, 5% tidak apa, mungkin kepada Ahli Yang Berhormat dari Rompin tidak apalah 4%, 5% bon-bon kerajaan untuk selamat Renong, untuk selamat UEM, untuk selamat konsortium perkapalan, walhal wang rakyat, wang KWSP kalau mahu diletak dalam pasaran kewangan patut dilabur dalam bank-bank untuk dapat interest 15%, 16%, kenapa dilabur dalam bon-bon untuk 4%, 5% untuk selamat UEM, selamat Renong, selamat konsortium perkapalan dan saya harap tidak perlu selamat ENE.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Rompin bangun.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, nanti, nanti, okay. Ini mustahak

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Bangun]*

Tuan Lim Kit Siang: Nanti, nanti, habis bab EPF saya akan beri jalan. Habis EPF dahulu. Ini mustahak, sebenarnya

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Alah, Teluk Intan itu berani di luar sahaja.

Tuan Lim Kit Siang: dan sebenarnya dan pandangan Ahli Yang Berhormat dari Rompin patutlah memperkuatkan kesangsian semua contributor EPF bahawa ada Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional yang akan memberi sokongan 100% EPF money dilabur dalam bon 4%, 5% interest, ini bukan demi kepentingan 9 juta contributors EPF, mereka mahu dapat investment wang mereka RM160 bilion EPF money dengan bunga, dengan faedah yang tertinggi dan bukan bunga dengan terendah dan sebenarnya dalam I think there was one paper EPF loan

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Kalau ada perbincangan bincang dengan anak. Kalau berbincang penasihatnya anak sendiri, alhamdulillah baguslah!

Tuan Lim Kit Siang: Okay, sebagai contoh yang baru dikemukakan, apa itu interest, mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh bantu supaya saya tak perlu untuk rujuk, 8.75% applicable rate, sekarang dalam amanah bank 8.75% a laughing rate

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bantulah, Ahli Yang Berhormat ini dia menyeleweng, soal EPF kita bahas dalam forum yang lain kerana EPF bukan satu badan pelaburan, EPF adalah badan sekuriti dan dasar EPF ialah menyimpan ataupun meletak wang-wangnya ditempat yang paling selamat. Yang paling selamat ialah bon kerajaan, Yang Berhormat tentu faham bahawa di dalam Statut EPF, EPF hanya perlu membayar 2.5% sahaja return untuk setiap tahun. Jadi, Ahli Yang Berhormat menyifatkan seolah-olah EPF ini adalah satu badan pelaburan, itu salah.

Jadi, janganlah menyeleweng, kalau dia bubuh dalam bon itu sudah selamat diguarantee oleh pihak kerajaan, jadi Ahli Yang Berhormat mengalih seolah-olah EPF macam PNB, seolah-olah EPF macam lain-lain badan pelaburan - bukan Yang Berhormat. Ianya adalah untuk sekuriti pekerja-pekerja yang menyumbang kepada EPF. Jangan alih isu itu.

Tuan Lim Kit Siang: Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri menyelewenglah, EPF pun ada kalau saya tidak silap melaburkan RM26 bilion dalam investment, saham-saham semacam Renong sekarang jatuh, saham-saham semacam UEM lagi jatuh nilainya. Kalau ada merge, ada untuk sekuriti, ada untuk bon, ada untuk saham-saham equity market dan sebab itu perlu satu kajian yang menyeluruh supaya menjaga kepentingan 9 juta contributors EPF dan bukan digunakan untuk bon-bon akhirnya untuk menyelamatkan UEM, Renong, saya harap bukan satu hari ENE.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Menyampuk]*

Tuan Lim Kit Siang: Dan ini saya harap Yang Berhormat Menteri Kewangan akan mengambil perhatian yang serius oleh kerana ini direct connection mengenai Pengurusan Danaharta Nasional Berhad dan juga recapitalisation bank-bank, institusi-institusi kewangan di sini bahawa kerajaan patut ambil perhatian bahawa semua 9 juta contributors EPF tidak mahu satu sen wang mereka digunakan untuk apa-apa operasi bailout melalui Pengurusan Danaharta Nasional Berhad atau melalui cara-cara recapitalisation bank-bank atau dilibat dalam apa-apa mega projek atau dilibat di mana-mana mega loan.

Di sini kita perlulah rujuk kepada satu wawancara Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberikan kepada *Far Eastern Economic Review* baru-baru ini di mana beliau ada ditanya mengenai mega projek dan inilah dengan short di sini, dengan izin:

“Question: Are mega projects good for a developing country?”

Answer: It is good for the ego.”

It is good for the ego.

“Question: Why is that important?”

Answer: It is important because small people always like to appear a tall.

If you can't get tall enough you put a box under you.”

Kita tidak mahu wang rakyat, kita tidak mahu RM160 bilion wang KWSP digunakan supaya untuk ego sesiapa, untuk boleh naik peti lebih tinggi, kita tidak mahu.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Rompin bangun.

Tuan Lim Kit Siang: Nanti.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tidak beri?

Tuan Lim Kit Siang: Nanti, nanti. Habis EPF saya akan beri. Saya berasa di sini fasal saya sangat terperanjat mengenai jawapan-jawapan dan

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Beri Kota Melaka, Seputeh tidak boleh!

Tuan Lim Kit Siang: Easily said, not worthy, not noble. Saya sangat terperanjat mengenai jawapan-jawapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengenai tujuan mega projek dan tentulah bahawa kerajaan perlu ambil perhatian bahawa tidak satu sen wang EPF digunakan untuk apa-apa ego mega projek, untuk memuaskan ego sesiapa tidak kira betapa tinggi kedudukannya atau digunakan untuk bailout, untuk apa-apa sesiapa crony capitalist dan tentulah kekhuatiran contributors EPF mengenai keselamatan RM160 bilion KWSP adalah sebabnya, khasnya apabila Tun Daim bin Haji Zainuddin dilantik sebagai Menteri yang bertanggungjawab mengenai hal ehwal ekonomi.

Oleh kerana kita semua patut ingat bahawa ialah masa Tun Daim menjadi Menteri Kewangan dalam masa kemelesetan tahun 80-an bahawa satu precedent diadakan di mana wang KWSP digunakan untuk menyelamatkan transaksi-transaksi yang sangat dubious semacam skandal-skandal Makuwasa yang menyebabkan kerugian kepada EPF yang begitu besar dan dalam keadaan sekarang di mana Lembaga EPF tidak ada tugas dan fungsi yang baik di mana mereka bukan sahaja tidak ada say, tidak ada oversight, tidak ada pengetahuan bagaimana pelaburan dibuat mengenai mega loan yang dibuat oleh KWSP oleh kerana semua ini dibuat oleh EPF Investment Panel yang melanggar Akta EPF 1991 yang sebenarnya Yang Berhormat masa itu tidak ada di sini di mana ada janji dibuat dalam Parlimen ini bahawa EPF Investment Panel adalah bertanggungjawab kepada EPF Board sekarang bukan kedudukan itu, kekhuatiran contributors EPF ialah lebih-lebih patut diberi keprihatinan.

Dalam keadaan ini kita menyeru tindakan segera diambil oleh Parlimen untuk memastikan bahawa wang EPF RM160 bilion dan tambahan bulanan contribution EPF RM1.2 bilion tidak di'siphoned' untuk apa-apa operasi bailout untuk crony capitalists di Malaysia sama ada melalui cara recapitalisation bank-bank atau melalui operasi Pengurusan Danaharta Nasional Berhad.

Itulah sebab kenapa sangat mustahak bahawa contributor EPF yang sejumlah 9 juta patutlah organise diri mereka supaya menuntut bahawa EPF mengadakan satu budaya tanggungjawab akauntabiliti, transparency dan supaya bahawa wang-wang EPF digunakan untuk mega projek dan lain-lain dan DAP

rela untuk menganjurkan atau organising 9 juta EPF contributors kepada satu association.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut satu laporan enam minggu lalu yang menganggarkan bahawa NPL dan sistem bank-bank adalah di lingkungan RM37 bilion kini dan ia akan meningkat ke-RM100 bilion dalam dua tahun ini. Dan kalau Pengurusan Danaharta Nasional Berhad akan membeli 50% NPL-NPL ini dalam sistem dengan nilai collateral 75%, ini bererti bahawa Pengurusan Danaharta Nasional Berhad perlu RM40 bilion, kalau beli sahaja 50% NPL at collateral value 75%, mana wang itu akan datang, adakah wang ini akan berjaya Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Yang Berhormat Menteri yang baharu fungsi-fungsi khas akan berjaya untuk mendapat sambutan yang baik daripada bankers antarabangsa melalui bon-bon yang akan dikeluarkan untuk cara ini. Ini terakhir balik kepada masalah keyakinan kepada ekonomi supaya keyakinan boleh berlaku.

Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri kata bahawa inilah satu perlindungan yang sangat simple, saya tidak bersetuju, sampai sekarang saya tidak bersiap sedia mengenai butir-butir dalam rang undang-undang, oleh kerana belum ada masa yang cukup untuk semua orang untuk banding.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Juhar bin Haji Mahiruddin)
mempengerusikan Mesyuarat]

Saya beri satu contoh, apabila kita melihat rang undang-undang ini, betul kita ada Powers of the Corporation, the Board, the Application of the Corporation's Memorandum and Articles of Association.

Saya rasa sebenarnya tidak lengkap macam perundangan yang ada di Amerika, lebih ketat, lebih detail, lebih sempurna. Kalau kita mahu ikut perundangan orang yang ada, kenapa kita tidak boleh memastikan bahawa copy kita atau version kita, kita menggunakan apa yang terbaik, kenapa kita mahu meninggalkan bahagian-bahagian yang mustahak, sebagai contoh, mengenai siapa dilantik sebagai ahli-ahli lembaga - Board of Directors. Apa yang disebut di sini ialah a non-executive Chairman shall be appointed by the Minister, itu yang disebutkan di dalam Clause 5, a Managing Director, two Federal Government officials, three members from the private sector, two members from

the on international community - what other conditions, kriteria-kriteria. Tengok perundangan yang kita copy, apa mereka sebut?

Kita boleh bezalah mengenai bilangan berapa orang tetapi ini apa yang ada, “five independent members appointed by the President, by and with the advice and consent of the Senate among individuals with experience in banking, finance, real estate and business management. Itu patut diadakan di dalam sini, kenapa ditinggalkan? Kita ikut tetapi itu adalah apa yang baik, saya katakan itu adalah yang baik, kenapa kita tinggalkan, kita tidak mahu orang yang individuals with experience in banking, finance, real estate and business management, ini cronisme membenarkan cronies dilantik, itulah cursory reference tidak ada cukup masa, cursory reference sudah dilihat bagaimana we are getting inferior legislation - why?

We are suppose to get a superior legislation, we are in an ICU you know. Accountability mereka boleh ada political affiliation not more than three members appointed pursuant to Clause 1 on paragraph (a) shall be members the same political party.

Walaupun terhad kepada satu parti, pembangkang pun ada peruntukan di sini, sila lihat, two individuals appointed by the Speaker of the House of Representatives one of whom shall be appointed upon the recommendations of the majority leader of the House of Representatives and one of whom shall be appointed upon the recommendation of the minority leader of the House of Representatives.

Inilah bukan kita mahu masuk tetapi supaya involves participation semua lapisan, kenapa tidak ada satu peruntukan untuk satu division Fraud and Enforcement. Kalau dalam membeli NPL kita kata RM25 bilion NPL syarikat-syarikat mungkin bukan sahaja kejatuhan mata wang, bukan sahaja oleh kerana kejatuhan nilai saham tetapi ringgit ada fraud, ada criminal breach of trust yang menyebabkan NPL. Kenapa tidak tubuh satu pejabat Fraud and Enforcement yang ada dalam perundangan-perundangan yang lain, Fraud and Enforcement. The corporation shall maintain a Fraud and Enforcement Review Division to assist and advise the corporation and other agencies in pursuing criminal cases, civil claims and administrative enforcement actions against institution’s affiliated parties of institutions. Kenapa? Amnestykah, akankah kita akan beri amnesty

kepada sesiapa crony capitalist yang ada melakukan fraud, criminal breach of trust yang menyebabkan NPL?

Adakah itu satu mesej, fraud tak apalah, negara akan memikul tanggungjawab oleh kerana sekarang ialah mungkin RM25 bilion tidak cukup mahu tambah RM40 bilion - RM25 bilion kepada RM40 bilion akhirnya kalau tidak berjaya siapa bertanggungjawab - rakyat!

Kalau dalam perjalanan Pengurusan Danaharta Nasional Berhad adalah RM25 bilion ada berlaku penyelewengan 10%, angka besar RM2.5 bilion, 1% sahaja pun angka besar, RM250 juta. Apa-apa check, itulah dalam perjalanan Pengurusan Danaharta Nasional Berhad tetapi dalam NPL sebelum itu, kalau ada fraud, criminal breach of trust, penyelewengan yang menyebabkan NPL apa tindakan diambil untuk menjaga kepentingan orang ramai atau fraud semua pecah amanah dan penjenayah yang berlaku sebelum itu semua akan amnesty, kenapa ini ditinggalkan?

Dan lagi ada perundangan, sebenarnya ada banyak perundangan jenayah negara, beratus-ratus jenis perundangan, ada bahagian yang memberi butiran guideline mengenai tanggungjawab lembaga corporation itu, sebagai contoh, the Board of Directors shall maintain a strategic plan for conducting the Corporation's functions and activities. Factors "the strategic plan and implementing policies and procedures require under this paragraph shall at a minimum" contains the following, semua garis dijelaskan:

- (i) factors a corporation shall consider in deciding the order in which failed institution of categories or failed institutions of the resolve;
- (ii) standards for adequate competition and fair consistent treatment of offerers. Procedures for establishing the market value of assets based upon standard market analysis, valuations and appraisal practices; dan lain-lain.

Kenapa kita tidak mahu memberi butir-butir semacam dalam perundangan kita kalau oleh kerana kita ikut orang sahaja. You safeguard lebih baik, sebenarnya banyak lagilah - tak sempat dan saya ada cadang. Saya tidak tahu

Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan akan bersetuju atau tidak bersetuju bahawa kita boleh luluskan Second Reading, tetapi kita hold back Committee Stage supaya kita ada masa untuk meneliti details dalam rang undang-undang, untuk kebaikan negara bukan untuk mengganggu, sekurang-kurangnya apabila Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pergi Washington dia boleh kata, kita ada competitive edge, sudah passed Second Reading dan kita akan improve Committee Stage kita, kita akan tubuhkan satu Parliamentary Committee untuk mengkaji bil-bil ini dan membuat recommendation dalam dua minggu atau sepuluh hari supaya dalam Committee Stage rang undang-undang ini boleh dikemukakan, diluluskan dalam Dewan yang mulia ini sebelum kita tangguhkan, serius, kita handle it in a serious way.

Saya harap bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh memberi pertimbangan yang serius kepada cadangan saya oleh kerana Yang Berhormat patut faham bahawa orang ramai khasnya kalangan pembangkang, pasaran sangat tidak puas hati mengenai cara rang undang-undang ini dikemukakan dan diluluskan tanpa memberikan masa yang cukup untuk orang ramai mengkaji perkara ini.

Kita tidak ada lembaga pakar-pakar semacam Yang Berhormat Timbalan Menteri katalah - tidak, we don't have that, we don't have all those resources and kalau kerajaan boleh pinjam sedikit pakar-pakar, kita rela untuk tact the resources, we don't have, we are very-very poor party, a few only resources bukan semacam Pengerusi Bernas dan there must time for input feedback dan ini satu feedback, saya rasa kita perlu dengar, dengan izin, ia dalam bahasa Inggeris, satu feedback mengenai Bill ini dan dia katakan di sini:

"Why is this Bill being rushed through? What is the urgency to have it discussed a day after the Bill itself is available? Is it a reflection of the underlying tensions within the Cabinet between the Minister and the newest Minister in the Cabinet?"

What makes me curious about this law is the need for it, especially since Section 176 of the Companies Act, already provides a reasonable amount of legal protection to a beleaguered company. Any intention to rescue companies in trouble - and I do not have any objection, in principle, to rescuing companies in trouble - must only be after existing legal provisions are adhered to.

Section 176 is similar to Chapter XI Bankruptcy Provisions in the United States, whereby a company facing creditors galore can seek the protection of the court to delay creditor pressures, while reorganises itself. The latest Malaysian company to make use of Section 176 is MBf Holdings.

The Bill should insist that Danaharta comes in only after the existing legal provisions available to all companies be exercised first.

Transparency has become a cliché these days, but it is still a good principle and should be prevalent especially when public disquiet rises in the drunken manner with which the government pays footloose with our finances.

Our public perception on why this Bill is needed is not something the government would like to hear, but I shall repeat it: it is viewed as a Bill to help the cronies, coterie and nepotistic siblings of those in power.

As I said, there is nothing wrong in rescuing companies. Chrysler Corporation in the United States is an example of a company rescued with hefty government loans when it became near bankrupt, that helpful hand enabled the company to restore itself and is today a partner with Mercedes Benz group in a recent alignment.

Here the believe persist that the corporation formed out of this Bill would be aimed not at companies but at individuals whose business empires have all but wound down. The aim of the government, especially after its earlier proud boast that privatisation would cure all financial ails since the government had no business in running businesses allow market forces to take dominance.

If there is a company which in the national interest should be saved, then I would be the last to object. But the Bill as it is structured gives no hint that such serious considerations would be the raison d'être for its existence.

Which is why, when I asked around people in Parliament and out after the Bill was tabled yesterday, I got such a wide ranging list of companies that needed saving. I should name a few - UEM and Renong head the list, Sukom '98 Sdn. Berhad makes an unlikely appearance. Bank Bumiputra Malaysia Berhad is another name bandied. The Bakun project is another.

Whether this is the final list that would emerge is irrelevant since all these companies survived on frequent infusions of cash from the government's silver platter. Despite that, these companies ensured that large sums of money was lost, Bank Bumiputra Malaysia Berhad appears headed for its third major bailout since its founding more than 30 years ago.

If any of these companies eventually come under Danaharta, it is a clear signal that the government intends to bailout its favourites. Many of these companies were handed over to chosen individuals without tender or other considerations except that the leading lights in them were close to people in authority. When they fail, it is not the government's business to rescue them again. For it has become clear that

these people survived in business only because of frequent infusions of government funds.

So, I cannot see why this Bill is presented to Parliament. Yes, we have a problem. Yes, many companies need help. Yes, if the government does not step in it would have deleterious effect on many companies.

My reservations about this Bill is that there is little consideration given to how these companies would be identified, and whether the Bill would have an impact on those in trouble outside the Klang Valley. The problem is not confined to the Klang Valley, but the way the statements have come from the government, it appears so. The aim of the Bill should be to rescue as large a range of business as possible, with preference going to those companies that would minimize retrenchments ensure a growing market, or otherwise have a niche position in Malaysian marketing and production. Nothing in the Bill suggests that these people are under consideration for help.

What the Bill intends to do is to help financial institutions get out of their unwise lending policies to companies in deep trouble. It is an open secret that without this Bill many would go under.

We cannot allow our financial institutions to go under, but if we want to help, we should have complete confidence in our institutions to undertake the recovery. What this Bill does is to give the favoured businessmen a breathing space while the bank and financial institutions get a respite with the government holding on to the assets. This will necessarily restrict the number of companies involved. What the Bill, it seems to be, will ensure is the saving of companies of individuals whose exposure to the banks is the greatest. That again means

companies only in the Klang Valley, and since the greatest exposure is to the cronies, coterie and relatives of those close to the centres of power, it is they who would most likely benefit.

Of the Bill itself, despite the promise of how well it would be handled, there is stark information on how it would be financed. There is no indication what this whole exercise would cost, where the money would come from. If the government is to put the capital by itself, by its own definition this would be good money thrown after bad. Otherwise, is a government saying that its earlier insistence that the government is not in the business of business has been wrong, and we need a 'U-turn'. If so, this Bill is not the way to do that.

It should be outright takeover of the privatised entities, with payments to shareholders paid in the form of long term bonds. After all, these were privatised, and now the privatised corporations have fallen flat on their faces. Shareholders, in these cases, would lose, but that is not the problem for the government. Shareholders when they invested in the company must realise that what goes up must come down, and investment in a company of doubtful provenance must mean an eventual loss to someone down the line, but this is a forlorn thought."

Inilah satu reaksi seorang yang saya bertanya dan inilah patut menjadi perhatian kita. Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, inilah antara satu langkah yang diambil oleh kerajaan supaya pesakit Malaysian Economy dalam ICU boleh menjadi sihat. Tetapi kita boleh lihat sungguhpun baru-baru ini kerajaan mengambil tindakan yang disifatkan sebagai budget 1998 yang keempat, pertama pada bulan Oktober di mana budget dikemukakan pada 27 Oktober, keduanya ialah pada awal Disember dan ketiga ialah apabila Parlimen bersidang pada Mac dan sekarang solved budget 1998 dan baru-baru ini adalah satu pakej untuk kick start ekonomi kita sebanyak RM60 bilion, RM25 bilion untuk pengurusan

Danaharta Nasional Sdn. Bhd., RM16 bilion untuk recapitalization bank-bank, RM12 bilion untuk pembangunan infrastruktur-infrastruktur, RM4 bilion untuk kemudahan kredit mengenai export oriented dan RM2 bilion untuk financing low cost housing. Lebih kurang RM60 bilion baru-baru ini untuk kick start ekonomi tetapi kita boleh lihat gagal - KLSE tidak ada apa-apa disstimulated sungguhpun hari ini naik sedikit, kalau saya tidak silap. Tetapi Ringgit dua dan tiga hari ini dalam satu tahap yang RM4.2, RM4.1 kepada US\$1.00 yang menunjukkan bahawa they are aim for a long long grind dan market capitalization KLSE tahun lalu lebih daripada RM800.00 bilion. Sekarang apa capitalization dalam KLSE ialah RM287 bilion dan inilah patut menjadi satu ingatan kepada kita bahawa we must go back to the basic untuk memenangi dan memulihkan keyakinan rakyat kepada kerajaan.

Itulah masalah yang utama, balik kepada basic restore confidence, national confidence, restore invested confidence, national atau international. Kalau tidak apa-apa cara termasuk Pengurusan Danaharta National Sdn. Bhd. tidak begitu berkesan. Restore confidence, kenapa kerajaan begitu susah untuk restore confidence. Apa yang kita perlu ialah white ranging, reformasi, politik, ekonomi, kewangan dan rela untuk satu perang terhadap KKN, korupsi, koronism, nepotisme....

Beberapa Ahli: [*Bersorak*]

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Gulung, gulung.

Tuan Lim Kit Siang:oleh kerana ahli-ahli Barisan Nasional tidak serius dalam menangani masalah-masalah rakyat sebab itu tidak ada restoration of confidence....

Beberapa Ahli: [*Bersorak*]

Tuan Lim Kit Siang: Itulah tidak boleh memulihkan keyakinan orang ramai, main-main. Dalam Parlimen pun main-main. Baru suka 'corpse' mahu tengok mayat ekonomi negara sudah dalam ICU. Yang Berhormat

Timbalan Menteri Kewangan sendiri kata sudah dalam ICU, seolah-olah dalam ICU.....

Seorang Ahli: [*Menyampuk*]K.L

Tuan Lim Kit Siang: Ahli Parlimen mahu tengok corpse. Ekonomi Malaysia corpse, ekonomi Malaysia, corpse

Seorang Ahli: KOKS

Tuan Lim Kit Siang: ... itulah saya rasa sangat kesal...

Seorang Ahli: Cukuplah, cukup.

Tuan Lim Kit Siang: Kalau inilah sikap Yang Berhormat Menteri, semua Ahli Parlimen Barisan Nasional tentulah boleh lihat corpse ekonomi Malaysia daripada ICU...ICU. Jangan buat begitu, kita sudah hilang satu tahun tahukah? Sedarkah? Seriuskah? Itulah, jangan main-main. Kalau main-main tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri kata kita mahu beri competitive edge kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Washington dan berkata "oh ada ini sudah pas oleh - rang undang-undang ini sudah diluluskan oleh Dewan Rakyat ini". Betul tetapi kalau ada berita yang mengatakan Ahli-ahli Parlimen tidak serius main-main sahaja itu competitive edge hilang. Kalau kita mahu competitive edge kita mahu satu suasana di mana apabila Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pergi ke Washington untuk minta 'bon' minta wang antarabangsa seperti Tun Tan Siew Sin dahulu, apabila beliau menjadi Menteri Kewangan tahun 60-an dan mahu pergi all over the world dan minta wang, supaya mereka faham ada pemulihan restoration confidence kepada kerajaan. Itulah competitive edge yang benar, yang tulen. Bagaimana kita boleh memberi competitive edge bukan sahaja kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tetapi kepada semua pemimpin-pemimpin negara kita apabila menangani krisis ekonomi. Itu mustahak tetapi kalau dalam perbincangan mahu cakap corpse sahaja. Corpse 'mayat' ekonomi Malaysia dalam ICU mana boleh tambah keyakinan.....

Seorang Ahli: Minta Yang Berhormat berhenti cakap, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lim Kit Siang: ... mana boleh beri competitive edge kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri...

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Lim Kit Siang: Ha tengoklah lebih cakap begitu. Lebih tidak ada competitive edge. Lebih rosakkan competitiveness negara. Sekian terima kasih.

Beberapa Ahli: Boo!

Seorang Ahli: KOKS

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Bukit Mas.

5.40 ptg.

Tuan Michael Lisa Kaya [Bukit Mas]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang Pengurusan Danaharta Nasional Berhad 1998 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri semalam.

Sebetulnya, Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri merasa lebih kecewa oleh kerana rakan sebelah sana - Ketua Pembangkang selepas berucap meninggalkan Dewan.

Seorang Ahli: Dia tidak ada tanggungjawab.

Tuan Michael Lisa Kaya: ... Masa yang diberi lebih daripada satu jam tetapi masa itu digunakan tidak mengikut peraturan dan tidak menggunakan hak yang diberikan kepada beliau sebagai Ketua Pembangkang. Seolah-olah Ahli Barisan Nasional tidak bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, kita tengok sekarang ini misal kata suara saya lain, kalau menurut kata doktor dua hari cuti tetapi oleh kerana mementingkan pembentangan rang undang-undang ini kita ingin mengambil bahagian.

Sebetulnya sebagai wakil rakyat selain daripada pembangkang dan ahli backbenchers kita telah bermesyuarat. Kelab penyokong-penyokong Kerajaan bersetuju 100% menyokong kerajaan berkenaan rang undang-undang ini. Saya rasa begitu juga bagi pihak misal kata sebelah sana rakan-rakan PBS dari Sabah, PAS ataupun rakan saya dari Kota Melaka harus menyokong rang undang-undang ini bukan kerana apa tetapi kerana kepentingan negara. Bukan kita maksudkan di sini kepentingan parti, kepentingan peribadi, kepentingan wakil rakyat sendiri kerana tanpa negara kita tidak dapat wujud di sini.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana itu walau bagaimanapun hujah-hujah yang diutarakan oleh rakan-rakan sebelah sana daripada pembangkang, kita ambil kira pandangan-pandangan yang positif. Saya rasa bersetuju dengan apa yang diucapkan oleh rakan saya dari Wangsa Maju. Rang undang-undang ini tepat dan kena pada masanya. Kalau boleh kita boleh bentangkan perkara ini pada bulan yang lalu. Walau bagaimanapun sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi dengan izin, it is better late than never.

Kita mengucapkan tahniah kepada Kementerian Kewangan dan saya rasa rang undang-undang ini hasil perbincangan dan maklum balas daripada beberapa agensi-agensi kerajaan, kakitangan-kakitangan kerajaan khusus daripada Kementerian Kewangan dan Bank Negara Malaysia dan institusi-institusi dan bank-bank lain. Saya rasa dalam keadaan seperti ini walaupun pembangkang mengatakan rang undang-undang ini dibentangkan dengan tidak memberi masa yang cukup, saya rasa sebagai amalan di dalam Dewan ini dan dari pandangan saya sendiri walaupun kita diberi rang undang-undang ini, misal kata seperti yang Ketua Pembangkang mengatakan tadi dengan izin, "while the bill has been given to him on Saturday he was in Penang".

Maksudnya di sini, Tuan Yang di-Pertua, masa ini tidak menjadi suatu masalah untuk kita misal kata sekiranya bill ini dibentangkan semalam. Sekiranya jika kita betul-betul ingin membahaskan rang undang-undang ini apa

salahnya kita bekerja sampai pagi, tidak menjadi masalah. Maksud saya di sini seolah-olah pembangkang mengambil masa ini tidak sebagai positif aspect dan oleh kerana itu saya berpendapat sebelum saya memberi komen tentang rang undang-undang ini saya ingin menyuarakan beberapa senario yang ada sekarang ini di dalam sektor perbankan atau dengan izin, in the banking sector pada masa sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini kita bentangkan untuk membolehkan Danaharta menjalankan tugas. Pokoknya iaitu mengenai Non Performing Loan (NPL) ataupun hutang yang tidak dibayar. Sebetulnya di dalam keadaan sektor perbankan kita sekarang kita tidak dapat menafikan bahawa jumlah NPL ini ataupun hutang tidak dibayar ini ada kemungkinan besar bertambah tiap-tiap bulan ataupun tiap-tiap masa. Oleh kerana keadaan ekonomi yang ada sekarang ini tidak mengizinkan lebih-lebih lagi selepas pembentangan budget pada tahun yang lalu di mana NPL ini diklasifikasikan mengikut klasifikasi yang baru iaitu sekiranya hutang ataupun pinjaman itu dibayarkan selama 3 bulan, ia di'classify'kan menjadi NPL atau Non Performing Loan. Walhal pada masa dahulu mungkin dalam 6 bulan sahaja. Oleh kerana itu dan di dalam keadaan ekonomi yang sekarang ini it is a natural process, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, NPL ini memang meningkat. Saya ingin bertanya kepada kementerian iaitu kepastian kita supaya dapat membantu kerajaan untuk menerangkan secara logik dan tepat bagaimanakah sebenarnya keadaan sekarang ini. Sebenarnya keadaan itu tidak mencerminkan dengan baik mungkin ini adalah salah satu fakta yang tidak menguatkan keyakinan, in other words to restore the confidence daripada public secara amnya. Kita difahamkan pada hujung bulan Mei NPL ini meningkat kepada 8.5% naik daripada penghujung tahun 1997 - 4.7%. Bermakna hampir dalam tempoh 6 bulan naik dua kali ganda. Saya pernah membaca dalam surat khabar dan magazine yang

mengatakan walaupun NPL di sektor perbankan di Malaysia ini sekarang mungkin dianggarkan kira-kira dalam RM15 bilion mungkin itulah sebabnya Danaharta menjangka perlu mengutip ataupun menyediakan bon yang dipasarkan dalam pasaran domestik ataupun pasaran antarabangsa berjumlah RM35 bilion seperti yang dikatakan semalam.

Kalau kita kira secara ringkas mungkin dengan pertambahan NPL ini tiap-tiap masa jumlah modal yang diperlukan oleh Danaharta mungkin tidak mencukupi. Kalau saya bandingkan saya rasa dalam keadaan sekarang ini ada kemungkinan jumlah NPL dalam sektor perbankan mungkin RM50 bilion. Ada juga surat khabar yang menyatakan RM100 bilion, ada yang menyatakan RM75 bilion tetapi saya minta pandangan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri cuba terangkan pada penghujung Mei ini tidak begitu tepat kerana sekarang ini bulan Julai. Kalau boleh end of Jun misal kata paling tepat sekali.

Tuan Yang di-Pertua, pokoknya kita menubuhkan Danaharta ini oleh kerana NPL. Jadi maksudnya di sini dan ada kaitan dengan perkara yang akan saya bangkitkan di sini. Kedua, keadaan ataupun senario yang ada sekarang di sektor perbankan kadar faedah yang begitu tinggi. Kita tidak menyalahkan sesiapa sama ada Bank Negara ataupun institusi-institusi yang ada sekarang ini. Sebenarnya sebagai teori misal kata kerana pada masa dahulu saya masih ingat rakan dari Balik Pulau pernah berhujah di dalam Dewan ini. Saya sendiri betul-betul tertarik hati mungkin dalam dua tahun lepas, dengan izin Yang Berhormat Timbalan Menteri, odd asset inflation, bermakna kita di dalam Dewan yang mulia ini pernah ditegur oleh rakan seperjuangan mungkin ada sedikit kepakaran dalam perkara ini. Oleh kerana itu kalau pembangkang menyalahkan kerajaan - tidak tepat. Kalau pembangkang menyalahkan bank - tidak tepat. Kalau menyalahkan bank, suruh bank meminjam wang kepada pelanggan untuk rakan kongsi niaga. Kalau misal kata sebagai ahli backbenchers kita juga tidak boleh menyalahkan kerajaan - Bank Negara Malaysia kerana kita sebagai golongan

team yang mentadbirkan negara ini kerana ahli-ahli jemaah Kabinet adalah wakil kita. Walaupun Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah mengeluarkan misal kata, ucapan tentang satu isu ataupun satu langkah yang akan dilaksanakan itu bermakna daripada kerajaan. Jadi kita menyokong. Oleh kerana itu kadar faedah yang tinggi selama kita mengalami dalam enam hingga tujuh bulan ini secara langsung saya pun terlibat juga. Pinjam daripada MBF, dahulu saya RM1,500 lebih sekarang hampir RM2,000 sebulan, cuba bayangkan. Oleh kerana kadar faedah yang dinaikkan secara automatik, bank hanya memberikan satu surat yang selalunya satu dua bulan out-of-date, dengan izin. Kadar faedahnya telah dinaikkan kerana sektor perbankan kita pada masa dahulu kita telah mengeluarkan pinjaman, in other words, dengan izin, our loan far exit misalan kata 30%.

Itu sebab kerajaan mencadangkan supaya menurunkan kadar itu sampai 15%. Apabila bank-bank mendengar keadaan seperti ini mungkin secara theoretically dengan izin, untuk mengurangkan loan, naikkan interest (kadar) supaya orang rasa tidak perlu pinjam kerana mahal. Itu satu cara untuk mengurangkan dan juga oleh kerana sekarang ini suasana business itu tidak baik, bank-bank di Malaysia ini kalau saya difahamkan dengan izin, we have not come to that stage whereby our earning, Tuan Yang di-Pertua, majority actually related to lending alone seperti yang dibangkitkan oleh saudara dari Tambun semalam. Saya setuju. Kepakaran kita tidak ada dalam usaha itu kerana di dalam bank-bank institusi kewangan kita. Bagaimana seorang pegawai bank menjadi orang yang pakar selepas bertugas di Bank Bumiputera dua tahun pergi ke OUB Bank atau Malayan Banking. Dengan tidak ada dengan izin, there is no direction specific, itulah sebab kemungkinan perkara seperti ini berlaku. Kadar faedah yang tinggi ini secara langsung telah menyusahkan banyak peniaga. Saya pernah dibelanja (lunch) oleh seorang rakan saya yang menjadi director dalam satu hotel yang mempunyai share di Malaysia ini. Dia mengatakan betul-betul dia

mengambil peluang itu walaupun dia belanja tetapi dia salurkan dari segi idea-idea dan mengatakan mereka telah membina sebuah hotel bertaraf empat bintang dan meminjam loan daripada consortium of bank. Dahulunya bayaran sebulan RM275,000 baru-baru ini bayaran sebulan RM320,000.

Bayangkan Tuan Yang di-Pertua. Dia juga mengatakan “Yang Berhormat cuba you bayangkan especially at this time the condition of this country” pertambahan lebih RM50,000 sebulan. Satu lagi di kawasan saya, Tuan Yang di-Pertua, semasa saya balik hujung minggu lalu kerana tiap-tiap minggu saya balik kawasan. Seorang peniaga bukan bumiputera yang sekarang ini berniaga sebagai owner of the supermarket. Dia ada cawangan di Bintulu, Sibul, Miri, Beaufort dan Sipitang. Beribu pejabat di Lawas iaitu kawasan saya. Dia mengatakan kepada saya oleh kerana kadar faedah ini dinaikkan oleh bank-bank sukar sekali untuk beliau meneruskan perniagaan sebagai supermarket kerana memandangkan perniagaan supermarket ini bergantung dengan jumlah ataupun dengan izin, the volume of sales dan kemungkinan margin of profit, dengan izin tidak begitu tinggi dalam lingkungan 8% atau 9%.

Sekiranya kadar faedah ini melebihi margin of profit, cuba bayangkan Tuan Yang di-Pertua di mana yang saya bangkitkan di sini dan saya berharap dengan keadaan yang ada sekarang ini tidak mengizinkan apa-apa pun dan berharap Danaharta ini, penubuhan dan pelaksanaan Danaharta ini tidak membawa kesulitan selepas ini. Ketiga mengenai senario yang ada sekarang ini di mana tadi saya bangkitkan tentang NPL dan yang kedua kadar faedah. Kita berterima kasih kerana semalam saya terbaca dalam surat khabar *New Straits Times* bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri mengatakan kita cuba mengatasi masalah ini tetapi saranan itu tidak there is no specific mention they to lower - cuba mengatasi. Perkara yang ketiga ini iaitu dengan volume ataupun banyak NPL yang bertambah setiap bulan yang mengakibatkan satu situasi ataupun keadaan di mana di dalam sektor perbankan dengan izin, the

liquidity is very tied. Bermakna di dalam pasaran market dan bank kita tidak cair. Itu sebabnya cost of fund tinggi, kadar dinaikkan kerana cost of fund yang mereka pinjam di dalam money market tinggi. Sekiranya penubuhan Danaharta ini dapat membantu supaya dapat menghidupkan semula dari segi liquidity di dalam market ini saya berharap ia dapat membantu beberapa peniaga ataupun ahli-ahli korporat. Kita berharap juga walaupun pasaran market yang tidak cair dalam masa yang lampau ini saya difahamkan langsung tidak dapat minta pinjaman daripada bank.

Rakan saya pernah mengatakan meminjam daripada finance company dan finance company meminta 50%. Dimanakah masalah ini berlaku? Oleh kerana bank, pengurusan, Bank Negara. Sekiranya rakan saya sebelah sini menjual kereta kepada saya bank tidak memberi pinjaman bermakna rakan saya disebelah sana tidak dapat memperolehi cash money di dalam pasaran market bermakna langsung tidak ada dengan izin, there is no movement of fund, standstill.

Sekiranya kita ingin memajukan kadar seperti ini, itulah sebabnya kita betul-betul berterima kasih kepada kementerian khususnya Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, penubuhan Danaharta ini kita berharap, dengan izin, to help the liquidity in the market supaya peniaga-peniaga kecil dapat mengurusniaga. Kadang-kadang saya difahamkan seperti rakan sebelah saya mengatakan semalam ada pegawai bank mengatakan, you have paid deposit then I give you the money. Kalau kita tiada pays deposit tidak payah pergi banklah, Tuan Yang di-Pertua.

Oleh kerana keadaan yang saya sebutkan tadi, saya rasa tibalah masanya Danaharta Nasional Berhad ini ditubuhkan dan kita betul-betul berharap dapat menerima penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai tiga perkara yang saya sebutkan tadi. Di sini ada dua tiga perkara yang saya ingin bangkitkan tentang rang undang-undang ini, iaitu pertama kali kita difahamkan bahawa modal berbayar untuk Danaharta ini RM250 juta datangnya daripada kerajaan. Dan untuk membantu Danaharta ini kalau saya tidak silap, dengan

penjualan bon-bon di pasaran domestik dan pasaran antarabangsa kita mungkin dapat dalam lingkungan RM25 bilion. Tetapi yang saya bangkitkan di sini seperti Yang Berhormat dari Tambun bangkit semalam mungkin dapat diperjelaskan nanti oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Saya belum pasti, Tuan Yang di-Pertua, kerana tujuan kita di sini bukan menegur kerana kita setuju, tetapi kita ingin supaya penjelasan yang lebih terperinci. Dengan izin, I just want to know how the viability of Danaharta? Sekiranya Danaharta ini dibiayai oleh kerajaan dan pendapatan Danaharta melalui fee seperti yang dikatakan di sini sebagai satu badan yang menguruskan aset, dan kebanyakan aset yang diurus ialah aset yang diambil alih daripada bank-bank yang lain yang ada masalah non-performing loan. Bermakna, sipeminjam bermasalah, bagaimana dapat membayar fee untuk Danaharta, fee daripada kerajaan, daripada bank atau daripada sipeminjam. Dari segi viability kita berharap Danaharta jangan dibiayai oleh kerajaan setiap masa. Sekiranya Danaharta ini mengurus kesemua NPL di semua agensi kewangan di Malaysia, bermakna ianya satu badan yang besar perlu berpusat mengadakan cawangan-cawangan mungkin di Sabah, di Kuching, Sarawak dan di Johor Bahru, di Alor Setar memerlukan perbelanjaan.

Sekiranya perkara seperti ini secara terperinci tidak dijelaskan, Danaharta ini menguruskan pengambilan aset hanya dari Kuala Lumpur, saya rasa banyak masalah yang mereka akan hadapi. Oleh kerana itu, dari segi viability mungkin perlu diterangkan dan dijelaskan kerana walaupun kita memasarkan bon di dalam pasaran domestik dan pasaran antarabangsa serta mengambil kira kadar faedah yang kita akan bayar selepas ini nanti.

Seperti yang saya katakan tadi perkara ini telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Tambun semalam, yang kedua saya ingin membangkitkan di sini iaitu mengenai proses mengambil alih aset-aset NPL, pengambilan aset non performing loan. Yang Berhormat dari Batang Lupa semalam telah

membangkitkan isu persetujuan kerajaan negeri masing-masing bersetuju. Satu lagi aspek legal ataupun perundangan yang saya ingin bangkitkan di sini, saya ingin minta penjelasan ataupun supaya dapat diberikan jawapan yang tepat, iaitu misal kata di Sarawak sebagai seorang native atau bumiputera. Di sana Tuan Yang di-Pertua, kita difahamkan kita dipanggil orang native. Di dalam Sarawak Land Code ada native land. Bermakna native land, tanah native ini hanya dapat ditukar milik kepada seorang native. Dari pengalaman saya kalau saya tidak silap hanya Bank Bumiputra sahaja bank di Malaysia yang mengurus dengan native land kebanyakan di Sarawak. Apa yang akan terjadi selepas pengambilan alih aset daripada bank-bank tertentu misal kata Bank Bumiputra kepada Danaharta, bagaimanakah kedudukannya. I am not a Lawyer, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, itulah sebab saya betul-betul tanya. Kerana saya seorang native saya perlu tahu tentang kedudukan ini. Bagaimana dana tanah ini? Bolehkah Danaharta mengambil alih, dengan izin, can Danaharta takes over the ownership of this land the right of this land. Itu satu pertanyaan legal.

Selain daripada itu, mengenai proses. Saya menentukan di sini mengenai proses, bermakna dari satu step ke step yang kedua, ketiga, keempat dan sebagainya. Saya bersetuju betul-betul dengan rakan saya dari Wangsa Maju, sebetulnya proses ataupun penubuhan Danaharta ini, Tuan Yang di-Pertua, kejayaan ini bergantung 100% dengan orang-orang yang dipilih dan dilantik oleh kerajaan ataupun orang dilantik oleh sesiapa yang memegang kuasa melantik. Kejayaan bergantung kepada mereka, dengan budibicara mereka.

Baru-baru ini difahamkan di Sarawak pernah seorang yang menghadapi masalah di bank untuk membayar hutang bank cawangan misal kata di Kuching, dia tidak pergi ke Kuching, tetapi dia pergi Jalan Satok untuk bayar kepada bank itu on line to the main bank, oleh kerana ada satu, dengan izin, there is a barrier between the officer and the borrower. Maksud saya di sini di dalam proses mengambil alih aset-aset daripada bank-bank ataupun insituti kewangan yang

ada NPL kepada Danaharta memerlukan selain daripada kepakaran. Saya ingin tegaskan di sini, jangan lupa kepakaran yang diberi oleh kepada kita oleh Tuhan, that is common sense. Banyak orang tidak pakai common sense dalam seharian. Misal kata seperti yang saya sebutkan tadi, oleh kerana misal kata kalau pengurus bank itu telah mendengar report bahawa pegawai bank ini tidak dapat berurus dengan peminjam-peminjam yang bermasalah, pindahlah pegawai ini. Kenapa menyusahkan bank, bukan kita cari pasal di dunia ini. Orang yang menghadapi masalah bukan juga ingin supaya mereka menghadapi masalah. Itu sebabnya tentang proses mengambil alih aset-aset NPL ini saya rasa perlu dengan proses yang dicadangkan dalam rang undang-undang ini banyak yang perlu dijelaskan dengan terperinci.

Selain daripada aspek legal, teknikal dan dari segi common-sense misal kata sekiranya orang yang menghadapi masalah itu ada NPL dalam bank tertentu sekarang berurus dengan bank untuk seperti yang disebutkan tadi 'to restructure' dengan izin, to 'reschedule' ataupun sedang di dalam perbincangan untuk memperbaiki keadaan. Kita berharap pihak-pihak tertentu kerana saya terbaca di sini Danaharta very strong power given, dengan izin. Jangan salah gunakan hak atau power yang diberi kepada kita.

Satu lagi yang ingin saya tekankan di sini iaitu seperti yang disuarakan oleh rakan dari Wangsa Maju tadi, misal kata tadi saya sebutkan 'native land' sebetulnya 'native blonde', Tuan Yang di-Pertua. Sekiranya Bank Bumiputra mengiktirafkan, bank-bank yang lain langsung tidak mengiktirafkan dengan izin 'there is no value at all'. Oleh kerana tidak dapat diurusniaga 'cannot be transacted, kita berharap Danaharta apabila menghadapi masalah seperti begini harus berbincang dan minta rujukan dari orang yang sesuai yang ada kepakaran dalam hal-hal tertentu.

Di dalam proses pengambilan aset – satu perkara yang penting iaitu nilai 'the value', value aset-aset yang diambil alih oleh Danaharta daripada bank kadangkala 'the liesable value of the asset' dengan izin, mungkin tidak mencukupi apa yang dipinjam, kadang-kadang ada melebihi. Oleh kerana itu, saya mengatakan di sini banyak bergantung kepada pegawai-pegawai yang diberi mandat ataupun power authority untuk menjalankan tugas. Harus memakai budibicara dan 'common-sense' jangan

lupa. Jangan menyusahkan orang yang sudah susah, ini maksud kita di sini. Nilai-nilai yang sesuai 'value' harus seperti yang dikatakan di sini 'fare to all parties concerned'. Kita berharap dan 'the question' dengan izin again, what is fare? Satu relating.

Selain daripada proses pengambilan aset ini, Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin bangkit mengenai perkara yang spesifik iaitu dalam seksyen 22 – 27 iaitu mengenai penubuhan dan fungsi jawatankuasa selia, perlantikan pentadbir khas dan penasihat bebas. Kita berterima kasih oleh kerana di dalam beberapa seksyen ini sebetulnya Yang Berhormat Menteri sendiri berkuasa untuk melantik tetapi di sini kita juga harus berfikir secara mendalam kerana ini adalah satu badan berkanun dimiliki oleh kerajaan, dimiliki oleh rakyat secara tidak langsung. Kita berharap mereka yang dilantik betul-betul mementingkan kepentingan negara dan kepentingan peribadi dan kepentingan yang lain-lain itu.

Misal kata seorang wakil Kementerian Kewangan, seorang wakil Bank Negara dan seorang wakil Suruhanjaya Sekuriti – ini tentang jawatankuasa selia, yang lain-lain itu yang kita baca dalam ini, saya betul-betul berharap mereka yang dilantik. Satu saja faktor yang saya setuju dengan Ketua Pembangkang tadi, Tuan Yang di-Pertua, iaitu kriteria-kriteria orang yang dilantik seharusnya orang yang dapat membantu bukan Danaharta tetapi membantu kerajaan, membantu orang yang bermasalah sekarang ini. Walaupun banyak disebutkan kronilah... apa itulah... sebab kita bayangkan Tuan Yang di-Pertua, kroni tak kroni pun kalau kroni itu memberi peluang pekerjaan untuk 5,000 orang di negara ini, saya pun 'salute him', Tuan Yang di-Pertua.

Kita harus ambil pandangan yang positif, kalau kroni tak kroni pun kalau misal kata kompeni kroni itu menyumbangkan RM250 juta kepada kerajaan untuk memberi dana supaya jalan raya dapat dibina, saya setuju Tuan Yang di-Pertua, saya setuju dengan izin 'the world is like this'. Misal kata dalam masa yang mereka menyumbang kepada kerajaan, menyumbang kepada rakyat (public) dan mereka menghadapi sedikit masalah bukan kerana mereka sendiri tetapi oleh kerana tekanan dari luar, suasana yang tidak mengizinkan, tidak semestinya kita melupakan mereka secara langsung, ini maksud saya di sini, Tuan Yang di-Pertua.

Di dalam perlantikan, saya mengucapkan tahniahlah kepada rakan saya – sama ada dia ada di sini, saya tidak tahulah, saya kenal beliau – yang mengetuai Asset

Management Corporation (AMC) – ada, saya kenal beliau, boleh tahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya berharap mereka yang dipilih untuk bantu beliau – betul-betul bertugas oleh kerana bukan selain daripada penghargaan , Tuan Yang di-Pertua, actually is a very, dengan izin, tidak dapat di'express'kan, Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana daripada kerajaan dan saya berharap mereka yang membantu beliau kalau boleh tolong bekerja kuatlah dan Tuhan akan memberkati mereka - sampai ke akhir pagi pun tolong juga, kerana orang yang bermasalah ini perlu pertolongan.

Kita sebagai wakil rakyat di sini berucap untuk rakyat, untuk mereka yang kita wakili dari kawasan kita masing-masing. Pernah berapa kali peniaga kecil mengatakan susah untuk meminjam wang daripada bank RM5,000, RM10,000 - betul-betul langsung susah, mereka kata. Oleh kerana dengan izin 'the liquidity market is totally very bad, no money to lend' oleh kerana itu dengan adanya Danaharta ini mengambil alih masalah yang dihadapi oleh bank sekarang, bank dapat menjalankan tugas asal mereka. Meminjamkan wang untuk public, jangan simpan wang jadi fix deposit, pinjamkan wang supaya banyak orang dapat ditolong, dibantu supaya dapat menjalankan tugas, inilah harapan kita.

Dengan perkara seperti begini, kita menyokong sebulat suara, Tuan Yang di-Pertua. Saya menyokong bagi pihak rakan-rakan saya dari Sarawak, saya tidak dapat berucap oleh kerana mungkin peluang tidak diberi. Walau bagaimanapun, kita betul-betul menyokong dan berharap Danaharta ini dapat mencapai matlamat yang dicadangkan. Saya menyokong, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Rompin.

6.18 ptg.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya kagum dengan Bukit Mas, mungkin oleh kerana dia merujuk kepada nilai-nilai moral yang tinggi, Tuan Yang di-Pertua, mungkin beliau sebelum menjadi wakil rakyat, saya difahamkan beliau ini adalah seorang pegawai tinggi bank, betul ya Bukit Mas? Ya, betul, sebab itulah kita berterima kasih kepada beliau dapat bercakap bagi pihak kita semua juga membawa isu-isu yang penting dalam Rang Undang-undang Pengurusan Danaharta Nasional Berhad 1998.

Tuan Yang di-Pertua, saya turut menyokong rang undang-undang ini dan juga mengucapkan syabas dan tahniah kepada kerajaan khususnya Yang Amat Berhormat Dato' Seri Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan kerana membentangkan satu rang undang-undang yang amat tepat pada masanya. Kita yakin bahawa pembentangan rang undang-undang ini, Tuan Yang di-Pertua, merupakan satu lagi usaha kerajaan untuk memulihkan ekonomi negara kita dan pentingnya dalam usaha ini untuk mengembalikan keyakinan orang, terutamanya rakyat kita sendiri dan juga dunia kepada ekonomi negara kita.

Masalah yang dihadapi walaupun DAP memanglah tidak ada kerja lain, sekarang ini Tanjong yang mengetuai, akan datang mungkin Kota Melakakah, Teluk Intan? Kota Melaka, tidak usah mimpilah Teluk Intan. Kalau Teluk Intan ada peluang pun tunggu Jelutong dahulu, kena belajar dengan Jelutong dahulu tetapi belajar berhadapan.

Tuan Yang di-Pertua, tadi DAP, Ketua Pembangkang dalam hujah dia sejam lebih tidak ada motif lain dan agenda lain hanya cuba dalam satu jam setengah meruntuhkan keyakinan rakyat kepada kerajaan yang ada. Cuba membawa apa yang berlaku ini adalah kerana kerajaan Barisan Nasional. Tetapi walhal beliau tahu, dunia tahu masalah ini masalah rantau, masalah ini adalah kerana ancaman luar yang menghentamkan pada peringkat awalnya nilai wang kita dan seterusnya menarik modal mereka dan menjatuhkan pasaran saham kita. Kita tahu ini sebabnya tetapi pembangkang, setakat ini kita belum mendengar PAS lagi. PAS masih lagi hendak cuba belajar dengan DAP mungkin, masih tengah belajar ya? Tidak apa, Yang Berhormat kata itu bukan dia berhadapan dengan Barisan Nasional ada agenda lain. *[Ketawa]* Dia pun tidak mahu saya sebut, sebab dia akan report dekat PAS. Saya katakan kepada Yang Berhormat, sekarang saya tahniah bila PAS menang, kita memang susah hati tetapi sekarang wakil kita boleh pindah ke Perlis kalau diminta untuk pilihanraya akan datang sebab orang Kelantan memang hendak dia pindah daripada Kelantan. Itulah yang diperangkapkan Yang Berhormat di satu incident kita di Kelantan baru-baru ini, betul, tidak salah Yang Berhormat, yang salahnya PAS Kelantan bimbangkan Yang Berhormat, betul Yang Berhormat ya?

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada DAP, tidak ada dia macam hanya, dia tidak ada cuba sedaya upaya dia dalam suasana begini mengubah pandangan rakyat dan pada masa yang sama cuba menyalahkan Barisan Nasional kerana kerajaan inilah yang memulakan masalah ini. Kita ada dalam sejarah kita, pembangunan yang lebih tinggi, rakyat kita dalam satu kestabilan politik yang tinggi kalau kita bandingkan baru-baru ini dengan negara jiran, kita Malaysia kita bukan negara jiran, kita Malaysia bukan seperti negara-negara lain. Cuba kita tengok negara yang kononnya dapat dipulihkan dengan bantuan IMF, Korea tengok apa jadi, walaupun IMF masuk, walaupun ada pertukaran kerajaan, Thailand pun begitu juga IMF masuk, Indonesia begitu, tengok mereka lebih teruk daripada kita, mereka mendapat pertolongan dunia mendengar apa yang patut dibuat atas nasihat IMF. Baru-baru ini daripada pemimpin Indonesia, Amen Rais kata saya sendiri amat kagum kepada keputusan kerajaan Malaysia, Perdana Menteri kita bersama dibantu oleh Timbalan Perdana Menteri tidak pergi meminta pertolongan kepada IMF, dia kata Indonesia sudah silap, betul tidak? Yang tidak bersetujunya DAP.

Dato' Yap Pian Hon: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ada yang bangun.

Dato' Yap Pian Hon: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Oleh kerana dahulu Barisan Nasional tidak suka untuk mendapatkan bantuan IMF di mana kita berdikari untuk menghadapi masalah kegawatan ekonomi. Apakah sebab pembangkang suka IMF masuk ke Malaysia? Minta penjelasan.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Itu senang sahaja. DAP tidak ada maruah bila susah minta pinjaman daripada orang, minta tolong daripada orang tetapi Barisan Nasional bermaruah. Kita boleh berdikari sesama kita. [*Tepuk*] Tetapi agenda DAP ini ada agenda bersama orang luar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kota Melaka bangun Yang Berhormat. Hendak beri jalan?

Tuan Lim Guan Eng: Bolehkah saya tanya.....

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Sudah minta kebenaran dari bapa?

Tuan Lim Guan Eng: Bolehkah saya tanya Yang Berhormat dari Rompin, bilakah DAP ada meminta bahawa kerajaan meminta bantuan daripada IMF kerana secara dasar Parti DAP kita tidak pernah meminta bahawa IMF datang ke Malaysia dan mengambil alih ekonomi negara, tidak pernah dan saya harap Yang Berhormat boleh tunjukkan bukti. Apakah gunanya kalau kita sama-sama berpendirian dengan kerajaan hentam George Soros, hentam IMF, bukan semualah tetapi berpendapat bahawa kita tidak patut membenarkan IMF mengambil alih ekonomi negara kita kerana ini akan melibatkan 'economic sovereignty' saya rasa saya ada gunakan perkataan ini 'economic sovereignty' dan 'national sovereignty'. Saya rasa kalau Yang Berhormat lupa tetapi janganlah putar belitkan kata kita minta bila kita tidak pernah minta dan kalau kita buat pendirian sedemikian saya rasa ini tidak mengenang budilah.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih, kalau benar itu hujah Kota Melaka, buat statement bahawa kita menyokong apa dasar yang kerajaan buat cara kita. *[Tepuk]* Ini apa yang baik, hari ini apa yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Pengurusan Danaharta ini satu bil yang baik. Mengapa saya dengar tadi semuanya tidak betul? Di bawa cerita EPF pula.

Tuan Lim Guan Eng: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Dia bangun lagi Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Biar saya habis dahulu, selepas itu saya beri peluang. Tadi ayahandanya beri saya sekali sahaja, jadi saya bagi sekali sahajalah. Sorry ya, nothing personal. Betul kita terima apa yang kita mahu, satu agenda dalam Parlimen ini 100% kita bersetuju, isu apa saya lupa. Kita condemn usul Senate Amerika meminta Perdana Menteri kita meletak jawatan, DAP bersetuju. Mengapa tidak agenda ini juga? Kalau betul-betul Kota Melaka, DAP menghormati sovereignty ekonomi negara kita. Inilah satu perkara yang baik.

Tuan Lim Guan Eng: *[Bangun]*

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya belum habis lagi, saya beri, saya tidak habis hujah lagi

Tuan Lim Guan Eng: Bukan semua yang IMF cakap itu tidak betul, *[Disampuk]* ada yang kita patut ikut, itu yang menjadi penting.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Rompin tidak mahu beri jalan.

Tuan Lim Guan Eng: Tidak mahu beri tidak mengapalah.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Betul kalau misalnya, inilah yang baiknya dalam suasana kita menghadapi masalah ekonomi ini bukan sahaja melibatkan mengancam dan merosakan, menjatuhkan, merendahkan ekonomi orang Melayu sahaja, semua orang bangsa Malaysia. Ahli DAP pun ada yang kena. Tindakan DAP itu cerita lainlah. Melibatkan semua tetapi yang patut kita beri penghargaan kepada rakyat Malaysia apa yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri malam tadi, walau apa pun keadaan ekonomi yang bermasalah ini tetapi rakyat Malaysia tetap bersatu bersama kita, tidak macam negara lain. Ini amat penting sekali, sepatutnya DAP sambut, tidak. Tadi saya hendak baca hujah, ini saya hendak quote apa yang Tanjong katakan tadi. Dia kata “DAP will spearhead” satu formasi “EPF contributor” untuk memastikan wang-wang EPF tidak diselewengkan. Ini macam insightful, menghasut, adakah ini bermakna kita menyelewengkan wang EPF? Tidak, hanya DAP sahaja tidak ada isu lain, kalaulah benar-benar DAP ini transparent, kalau benar-benar DAP ini demokratik, kalaulah benar-benar DAP ini adil dan mahukan reformasi, saya hendak bertanya tentang KOKS ini apa? Ini saya hendak baca satu analisa....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat masa untuk hari sudah cukup.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Boleh sambung besok? Terima kasih.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

6.30 ptg.

Timbalan Menteri Pertanian [Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16(3), Mesyuarat

ini ditangguhkan sekarang.

Timbalan Menteri Perpaduan Negara Dan Pembangunan Masyarakat [Datuk Peter Tinggom anak Kamarau]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN PENANGGUHAN

Pengurusan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)

6.31 ptg.

Tuan M. Kulasegaran [Teluk Intan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tajuk saya hari ini ialah keperluan pengurusan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ditingkat dan transparency dan tanggungjawab terutamanya dalam aktiviti pelaburan.

Kumpulan Wang Simpanan Pekerja yang pada asalnya dibentuk untuk mewujudkan satu simpanan keselamatan persaraan di hari tua bagi pekerja yang berpendapatan rendah. Kini caruman KWSP disumbangkan oleh lebih dari 9 juta rakyat di negara ini. Bagi kebanyakan rakyat Malaysia simpanan KWSP merupakan satu-satunya bentuk simpanan pelaburan aset dan security masa hadapan yang diuruskan oleh kerajaan yang menjanjikan pulangan yang baik dan terjamin. Sebaliknya kini pengendalian dana kewangan, keputusan pelaburan, tranparensi dalam pengurusannya malah masa depan KWSP kini menjadi tanda tanya.

KWSP adalah salah sebuah badan cash rich fund di dalam negara ini yang mengandungi dana sebanyak RM160 bilion. Pengumuman dividen pada kadar 6.7 peratus bagi tahun 1997 setelah hampir 10 tahun negara mencapai pembangunan ekonomi yang pesat adalah kadar dividen yang paling rendah dalam tempoh 21 tahun. Jika KWSP memberi alasan bahawa ia adalah punca dari kegawatan ekonomi yang bermula dari pertengahan tahun lalu, kenapa pada tahun 1985 bila keluaran negara kasar hampir mencatatkan pertumbuhan 1% kadar dividen yang dibayar pada masa itu ialah 8%. Sebaliknya di tahun 1997 menjangkakan kadar pertumbuhan 8% seperti kata Menteri Kewangan, dividen yang diberi adalah hanya 6.7% sahaja.

Mengapakah KWSP yang menjadi pemegang amanah untuk menguruskan wang rakyat dengan bijak membuat pelaburan secara sewenang-wenangnya dan

pada sektor yang berisiko tinggi. Pada tahun 1997 sebanyak RM129 bilion telah dilaburkan oleh KWSP dalam berbagai sektor di mana 19% atau RM25 bilion telah dilaburkan di pasaran saham yang sedang terus mengalami kemerosotan di mana ia hanya memberi pulangan sebanyak 4%.

Seperkara jelas di sini ialah rakyat jelata merelakan sebahagian dari upah setelah bermandi peluh dipotong demi masa depan tetapi mereka tidak tahu berapakah jumlah wang tersebut telah, sedang dan akan lesap akibat kecuaiian, ketidakcekapan pengurusan pihak KWSP. Sejumlah RM34 bilion dari RM129 bilion telah dipinjamkan kepada agensi-agensi tertentu dengan kadar faedah 6.5% setahun. Malah pada bulan Mei ini sebanyak RM1.5 bilion pinjaman tambahan telah diluluskan kepada KLIAB oleh KWSP pada kadar 8.75% sahaja.

Persoalan sekarang adalah mengapa wang yang begitu banyak diberi pinjaman kepada agensi-agensi tersebut pada kadar faedah yang begitu rendah. Bukankah lebih baik wang tersebut disimpan dalam simpanan tetap fix deposit yang menjamin pulangan pada kadar sekurang-kurangnya 11% setahun. Apakah yang sangat mengecewakan adalah wang simpanan KWSP digunakan untuk menyelamatkan beberapa syarikat terpilih yang menghadapi masalah kewangan seperti UEM, Sime Bank, KUB di mana ianya adalah nama-nama syarikat yang mempunyai kepentingan persendirian.

Bukankah menjadi hak pencarum untuk mengetahui mengapa KWSP membeli RM65.91 bilion syer saham dalam UEM pada bulan September 1997. Banyak lagi contoh pelaburan dan pinjaman kepada agensi dan syarikat-syarikat tertentu masih menjadi tanda tanya. Tindakan pelaburan yang penuh kontroversial ini menimbulkan persoalan siapakah yang mengambil keputusan dalam hal ini. Adakah panel KWSP atau Lembaga KWSP.

Akta KWSP 1991 memperuntukkan bahawa keanggotaan KWSP mesti merangkumi pegawai kerajaan, pihak majikan, wakil pekerja dan pihak yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran dalam hal perniagaan dan sebagainya.

Panel KWSP pada mula perlu terdiri dari Gabenor Bank Negara, wakil kementerian dan tiga orang lain yang dilantik oleh Menteri yang mempunyai pengalaman dalam pengurusan kewangan. Akta KWSP memperuntukkan bahawa Lembaga KWSP diwujudkan untuk menguruskan wang caruman panel pelaburan adalah tertakluk kepada Lembaga KWSP dan diluluskan oleh Menteri dari masa ke semasa. Akta ini dari seksyen 26 tersebut menjelaskan bahawa kuasa untuk melabur terletak kepada Lembaga KWSP dan bukan kepada panel KWSP.

Ini jelas menggambarkan Lembaga KWSP yang bertindak sebagai pemegang amanah, sementara panel KWSP tertakluk kepada arahan dan pengawasan lembaga tersebut. Anehnya wakil pekerja (unionist) yang menganggotai Lembaga KWSP mengakui mereka tidak dimaklum tentang keputusan pelaburan. KWSP perlu faham bahawa badan tersebut diberi mandat dan amanah oleh rakyat. Adalah tidak wajar wang ini diuruskan dengan sewenang-wenangnya tanpa transparency yang secukupnya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Minta jawab Yang Berhormat.

6.37 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Teluk Intan telah membangkitkan bahawa Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) tidak diuruskan dengan baik, melabur dalam syarikat yang bermasalah dan tidak transparency. Tuduhan itu adalah tidak benar. KWSP tidak pernah membuat pelaburan sewenang-wenangnya atau di dalam pelaburan berisiko tinggi. Panel pelaburan KWSP dipertanggungjawabkan untuk mengawasi semua aktiviti pelaburan KWSP dalam aset-aset yang ditetapkan mengikut akta KWSP.

Pelaburan KWSP adalah berteraskan falsafah prudent agar pelaburan keseluruhannya tidak berisiko tinggi. Sebelum satu pelaburan dilaksanakan,

kajian terperinci dibuat dengan mengambil kira profil pulangan dan risiko. Pelaburan KWSP dalam pasaran saham adalah dilakukan dengan mengambil kira fundamental dan potensi saham-saham di mana pembelian saham-saham dilakukan mengikut harga pasaran. Sebagai pelabur jangka panjang KWSP sentiasa mengambil peluang membeli saham-saham pada harga yang rendah.

Perbandingan kadar dividen KWSP dan skim-skim simpanan yang lain seperti Lembaga Tabung Haji dan Amanah Saham Nasional adalah tidak sesuai kerana peranan dan objektif institusi berkenaan adalah berbeza. KWSP mempunyai pendedahan yang lebih kecil dalam aset-aset yang berisiko tinggi selaras dengan dasar pelaburan yang sentiasa memastikan supaya tidak terlalu mendedahkan simpanan ahli dalam pelaburan yang berisiko tinggi sesuai dengan peranan KWSP sebagai sebuah institusi keselamatan sosial.

Pinjaman-pinjaman yang diberikan oleh KWSP kepada Perwaja adalah dijamin sepenuhnya oleh kerajaan, oleh itu tidak timbul isu risiko yang tinggi. Terima kasih.

Pembebasan Masjid di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dari Pengaruh Asabiyah dan Sekularisme

6.39 ptg.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood [Tumpat]: Tuan Yang di-Pertua, mengimarahkan dan membebaskan masjid di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur daripada pengaruh asabiyah dan sekularisme.

Tuan Yang di-Pertua, seperti juga muka bumi seluruhnya adalah tempat sujud. Intitusi masjid sering disebut secara khusus sebagai rumah Allah, tempat yang mulia untuk insan menunaikan solat berjemaah memperhambakan diri kepada Allah S.W.T. semata-mata di samping untuk merealisasikan matlamat penciptaan manusia untuk memerdekakan dan mengangkat

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Dr. Ibrahim bin Saad]: Tuan Yang di-Pertua, saya minta kuorum.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, sekejap ya. Ya, sila!

Datuk Dr. Ibrahim bin Saad: Saya pohon kuorum tidak cukup.

[Ahli-ahli dikira: Kurang 26 Ahli hadir]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Sila bunyikan loceng.

Loceng dibunyikan.

[Ahli-ahli dikira: Kurang 26 Ahli hadir]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Ahli-ahli Yang Berhormat, memandangkan kita tidak cukup kuorum pada hari ini, maka Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang hari esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.40 petang.

